KEMENTERIAN DIGITAL

TRANSFORMASI DIGITAL:
Pencapaian Satu Tahun Kementerian Digital



KEMENTERIAN DIGITAL
KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

Isi Kandungan

2 Prakata oleh Perdana Menteri

4 Prakata oleh Menteri Digital

6 Prakata oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Digital

8 Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Digital

9 Visi dan Misi Kementerian Digital

10 Pemangkin Strategik

11 Agenda Pendigitalan Negara Difokuskan kepada Tiga Tonggak Utama

12 Pelan Strategik (2024-2025)

13 Kerangka Strategik

14 Keutamaan Strategik

19 Kerajaan Digital 2024

29 Ekonomi Digital 2024

43 Masyarakat Digital 2024

62 Persiapan Menuju Tahun 2025

65 Kerajaan Digital 2025

75 Ekonomi Digital 2025

83 Masyarakat Digital 2025

88 Glosari

Prakata oleh
Perdana Menteri



Saya ingin merakamkan setinggi ucapan tahniah kepada Kementerian Digital atas ulang tahun pertamanya. Sepanjang tahun yang lalu, kementerian ini telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam memacu transformasi digital Malaysia. Dalam usaha ini, Kementerian Digital telah menunjukkan komitmen teguh terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan awam, mendorong inovasi, serta memperkasakan rakyat melalui pertumbuhan ekonomi yang inklusif. Kejayaan-kejayaan ini mencerminkan dedikasi Kementerian Digital dalam membentuk masa hadapan digital yang bakal memberi manfaat kepada setiap rakyat Malaysia.

Peranan kementerian dalam memacu Ekonomi MADANI amatlah penting. Dengan memanfaatkan pendigitalan, Kementerian Digital telah mengambil langkah-langkah yang bermakna dalam mengangkat taraf hidup rakyat serta menempatkan Malaysia sebagai peneraju ekonomi digital di rantau Asia Tenggara. Visi yang inklusif, mampan, dan progresif ini telah membentuk asas yang kukuh buat negara untuk terus maju dalam era di mana teknologi telah mengubah cara kehidupan kita, cara kita bekerja, dan berhubung.

Melangkah ke hadapan, saya menggesa Kementerian Digital untuk terus memperhebat pendekatan “Whole of Government” bagi mempercepatkan visi ‘Malaysia Digital’. Dengan menggabungkan kekuatan kolektif yang ada, kita mampu mencipta peluang baharu untuk perniagaan, memperkukuh produktiviti, dan meningkatkan kualiti hidup buat rakyat. Perjalanan digital ini bukan sahaja akan memodenkan infrastruktur negara, malah memastikan Malaysia menjadi mercu tanda inovasi di rantau ini.

Pada kesempatan yang bermakna ini, saya menyeru semua pihak berkepentingan untuk terus mengekalkan momentum kemajuan dan inovasi yang telah dicapai. Masa hadapan kita penuh dengan peluang untuk membina sebuah Malaysia yang lebih pintar dan lestari.

Dengan dedikasi dan iltizam Kementerian Digital, saya yakin masa hadapan digital Malaysia akan menjadi lebih berani, transformatif, dan terus menjadi inspirasi buat dunia.

Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

Prakata oleh
Menteri Digital



Merenung kembali 12 bulan yang lalu, saya berbesar hati untuk membentangkan pencapaian utama kementerian dalam memacu transformasi digital Malaysia. Landskap digital negara terus berkembang pesat dan komitmen kementerian untuk memanfaatkan teknologi demi kebaikan ekonomi, masyarakat dan tadbir urus negara tidak pernah seteguh ini.

Kementerian Digital telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam pelaksanaan program dan inisiatif untuk mengukuhkan infrastruktur digital, mempromosikan keterangkuman dan memberdayakan rakyat serta perniagaan untuk terus berkembang dalam era digital. Visi kementerian untuk mewujudkan ekosistem digital yang dinamik sedang direalisasikan melalui pelbagai inisiatif antaranya inovasi, keterhubungan dan pembangunan kemahiran digital.

Komitmen kami untuk memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada dunia digital diperluaskan dengan liputan 5G di kawasan berpenduduk di seluruh negara. Kementerian turut memastikan pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang yang komprehensif bagi meningkatkan keselamatan siber dalam memastikan persekitaran digital lebih selamat untuk kerajaan, perniagaan dan individu.

Dalam bidang e-dagang pula, Kementerian memberi sokongan padu kepada perniagaan tempatan, terutamanya perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) untuk menggunakan platform digital bagi meneroka pasaran baharu serta meningkatkan daya saing mereka.

Kementerian juga telah menunjukkan kemajuan yang signifikan dalam membangunkan tenaga kerja digital dengan mengukuhkan literasi digital, latihan kemahiran dan kerjasama strategik. Usaha ini bukan sahaja menyediakan generasi masa depan untuk menghadapi dunia pekerjaan dan memacu ekonomi yang berorientasikan teknologi tetapi juga melengkapkan diri mereka sepenuhnya dengan kemahiran melalui program peningkatan kemahiran.

Seiring dalam menghadapi masa depan di mana automasi dan kecerdasan buatan (AI) akan memainkan peranan dalam aspek kehidupan kita, cabaran-cabaran ini menimbulkan persoalan mengenai penyesuaian dan ketahanan. Secara ringkasnya, penerimaan AI mesti berkisar tentang bagaimana kita boleh mempertingkatkan diri dengan penggunaan teknologi di samping membina ekosistem yang selamat di sekeliling kita.

Dalam mengukuhkan keupayaan AI negara, Kementerian telah menubuhkan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) untuk memupuk inovasi, mempromosikan kerjasama antara sektor serta menyokong integrasi AI ke dalam budaya kerajaan, industri, dan masyarakat. NAIO akan membentuk masa depan AI di Malaysia dan berusaha menjadikan negara ini sebagai peneraju dalam transformasi digital dan sebagai mercu tanda inovasi AI di Asia Tenggara.

Saya yakin bahawa asas yang telah kami bina akan membawa kepada kejayaan yang lebih besar pada tahun akan datang. Kementerian akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan masa depan digital negara adalah inklusif, selamat dan mampan.

Kementerian ini bersama agensi-agensi kami akan memberi tumpuan sepenuhnya untuk mengukuhkan ekonomi digital di negara dan mewujudkan Malaysia Digital yang mahir dan berjaya.

Gobind Singh Deo
Menteri Digital



Prakata oleh
Ketua Setiausaha, Kementerian Digital



Dalam dunia inovasi teknologi yang berkembang pesat, transformasi digital negara bukan hanya mencerminkan kemajuan teknologi, tetapi juga menggambarkan visi bersama yang melibatkan kemajuan, pemerkasaan, dan harapan kita semua. Sebagai sebahagian daripada kepimpinan Kementerian Digital, saya berbesar hati membentangkan laporan ini, yang merakamkan perjalanan Kementerian dalam merangka masa depan digital Malaysia.

Penubuhan Kementerian ini adalah lebih daripada sekadar langkah birokrasi, tetapi sebuah komitmen untuk menempatkan Malaysia di barisan hadapan revolusi digital global. Perjalanan ini dipenuhi dengan cabaran yang kompleks dan pembelajaran yang berharga, di mana setiap langkah diambil dengan penuh pertimbangan strategik dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi.

Laporan ini menggariskan pencapaian luar biasa yang telah dicapai, daripada penubuhan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) hingga pelancaran platform inovatif seperti GovTech yang berorientasikan rakyat.

Kejayaan-kejayaan ini bukan sekadar angka, tetapi juga bukti bahawa teknologi dapat menjadi instrumen yang berkuasa dalam kemajuan ekonomi dan sosial negara.

Kementerian telah menyediakan kerangka undang-undang yang komprehensif dengan memperkukuh Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan 2024) dan Akta Keselamatan Siber 2024 untuk memastikan ekosistem digital negara tidak hanya berkembang, tetapi juga selamat dan boleh dipercayai.

Melangkah ke hadapan, komitmen Kementerian tetap teguh dalam memajukan ekonomi digital, meningkatkan kepercayaan digital, dan memastikan setiap rakyat Malaysia dapat meraih manfaat daripada ekosistem digital dengan penuh keyakinan.

Laporan ini bukan hanya sekadar dokumentasi pencapaian Kementerian Digital, tetapi juga rekod komitmen Kementerian ke arah Malaysia Digital, selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI.

Fabian Bigar
Ketua Setiausaha,
Kementerian Digital



Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Digital

KEMENTERIAN DIGITAL

JABATAN DIGITAL NEGARA

CyberSecurity MALAYSIA

MDEC

.myNIC

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Digital Nasional

MyDIGITAL

Visi dan Misi Kementerian Digital

VISI

Peneraju Agenda Pendigitalan Negara

MISI

- Memacu agenda pendigitalan negara secara holistik dan inklusif
- Memperkukuh ekosistem digital negara yang dipercayai dan bertaraf dunia



Pemangkin Strategik

I-*Infrastructure* Memperkukuh Prasarana Digital	**C-*Cyber Resilience*** Memperkasakan Ketahanan Siber	**T-*Talent*** Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan
Infrastrukur digital yang berkualiti akan mempercepatkan penerimagunaan teknologi digital dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan komited dalam memperkukuh ekosistem digital yang kondusif melalui pembangunan pusat data, pengkomputeran awan dan peluasan inisiatif rangkaian 5G. Penyediaan infrastruktur digital yang berkualiti akan dapat memastikan ketersambungan akses teknologi digital yang akan menggalakkan kemajuan ekonomi dan sosial negara.	Ancaman siber yang berkembang seiring dengan kemajuan teknologi digital menuntut peningkatan daya ketahanan siber negara. Usaha pemantapan keselamatan siber dilaksanakan menerusi pengukuhan kerangka perundangan melalui pengukuhan aspek kawal selia merangkumi penggubalan dan pindaan akta, pembangunan peraturan, pekeliling, garis panduan, standard dan rangka kerja keselamatan siber serta pelaksanaan program keselamatan dan kesedaran digital kepada rakyat. Langkah pemerkasaan ketahanan siber akan mewujudkan ekosistem digital selamat yang berupaya meningkatkan kepercayaan digital rakyat dan pelabur.	Teknologi memuncul telah mewujudkan permintaan kepada kemahiran dan kepakaran baharu. Usaha pembangunan bakat digital berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri dilaksanakan menerusi program pembangunan kemahiran semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling) bagi tenaga kerja sedia ada. Selain itu, pelbagai program literasi digital kepada rakyat turut dilaksanakan seperti AI untuk Rakyat, SiberKASA Awareness, CyberSAFE, MY5G Ericsson Malaysia Pioneers Programme dan Etika Siber Nasional (Program Murid Sekolah). Program literasi digital yang dilaksanakan melibatkan kumpulan tenaga kerja dan rakyat secara keseluruhannya bermatlamat untuk melahirkan bakat digital tersedia masa hadapan serta rakyat celik digital.

Agenda Pendigitalan Negara Difokuskan kepada Tiga Tonggak Utama

01

Kerajaan Digital

Transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan yang merangkumi usaha meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kebolehcapaian perkhidmatan kerajaan bagi memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat.

Masyarakat Digital

Transformasi perniagaan yang menyeluruh merentasi setiap sektor ekonomi melalui adaptasi teknologi digital. Ini termasuklah usaha menggalakkan inovasi, menarik pelaburan bernilai tinggi dan mencipta peluang pekerjaan.

02

03

Ekonomi Digital

Pembentukan masyarakat digital melalui peningkatan literasi dan penerimagunaan digital. Usaha ini turut meliputi akses kepada teknologi digital dan capaian kepada perkhidmatan penting kerajaan secara digital serta galakan penggunaan secara beretika.

Pelan Strategik (2024-2025)

5
Teras Strategik

8
Strategi

15
Program Utama

36
Inisiatif



Kerangka Strategik

VISI
Peneraju Agenda Pendigitalan Negara

MISI 1 :Meneraju pendigitalan negara secara holistik dan inklusif

MISI 2 : Memperkukuh ekosistem digital negara yang dipercayai dan bertaraf dunia

5 SASARAN KEUTAMAAN

- Penyampaian perkhidmatan digital kerajaan yang lebih efisien dan memenuhi kepuasan rakyat
- Peningkatan tahap literasi dan akses digital kepada rakyat
- Ekosistem ekonomi digital yang lebih kukuh dan pertambahan bakat digital
- Persekitaran digital yang selamat dan dipercayai
- Tadbir urus digital sektor awam yang lebih bersepadu dan berimpak tinggi

TONGGAK UTAMA

KERAJAAN DIGITAL | EKONOMI DIGITAL | MASYARAKAT DIGITAL

PRINSIP PANDUAN STRATEGIK

Berpaksikan Rakyat | Inklusiviti dan Kesaksamaan Akses | Kemampanan | Berpacukan Teknologi | Keselamatan dan Kepercayaan | Tadbir Urus

PEMANGKIN STRATEGIK – I. C. T

- **I-*INFRASTRUCTURE***: Memperkukuh Prasarana Digital
- **C-*CYBER RESILIENCE***: Memperkasakan Ketahanan Siber
- **T-*TALENT***: Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

5 TERAS STRATEGIK

TS 1	TS 2	TS 3	TS 4	TS 5
Perkhidmatan Digital Kerajaan Berpaksikan Kepuasan Rakyat	Penerimagunaan Digital yang Inklusif	Daya Saing dan Kelestarian Ekonomi Digital	Keselamatan, Kepercayaan dan Kedaulatan Digital	Kapasiti dan Tadbir Urus Digital

8 STRATEGI

TS 1	TS 2	TS 3	TS 4	TS 5
S1 Meningkatkan keberkesanan penyampaian digital kerajaan	**S1** Meningkatkan tahap literasi dan penerimagunaan digital dalam memastikan keterangkuman dan kesaksamaan akses digital	**S1** Menggalakkan penerimagunaan digital dan perdagangan bernilai tinggi dalam memperkasakan ekosistem ekonomi digital	**S1** Memperkasakan perundangan dan kawal selia keselamatan digital	**S1** Meningkatkan kapasiti dan keupayaan tadbir urus digital merentasi sektor awam melalui pembudayaan *Digital First Mindset*
S2 Mengutamakan kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan digital kerajaan		**S2** Menggalakkan pembangunan bakat digital tersedia masa hadapan	**S2** Memperkukuh keselamatan digital melalui penyelidikan dan pembangunan selaras dengan perkembangan teknologi digital terkini	

KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

Keutamaan Strategik

KERAJAAN DIGITAL: Teknologi Sebagai Alat Mempertingkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan Digital memfokuskan kepada penggunaan teknologi untuk memodenkan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan dengan memastikan kecekapan, keberkesanan, dan kebolehcapaian perkhidmatan awam Malaysia bagi memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat. Antara inisiatif utama transformasi digital kerajaan merangkumi:

- **Penyampaian Perkhidmatan secara *End-to-End*:** Pelaksanaan perkhidmatan digital yang lancar merentasi sektor awam merangkumi pengoptimuman platform dalam talian dan laman sesawang untuk menjamin akses perkhidmatan kerajaan yang cekap dan mesra pengguna.

- **Perkongsian Data Merentas Agensi:** Rangka kerja yang selamat dan cekap bagi perkongsian data antara agensi kerajaan. Ini membolehkan koordinasi yang lebih baik, pembuatan keputusan yang lebih termaklum dan menambah baik penyampaian perkhidmatan.

- **Data Terbuka Sektor Awam:** Pelaksanaan data terbuka Kerajaan dapat meningkatkan ketelusan penyampaian perkhidmatan Kerajaan menerusi perkongsian data yang tepat, cepat dan relevan bagi meningkatkan produktiviti ekonomi digital negara.

- **Analitik Data Raya:** Analitik data raya dalam sektor awam berupaya menghasilkan dapatan berguna, menambah baik kecekapan operasi agensi dan membantu dalam pembangunan dasar yang lebih berkesan.

- **Portal MyGovernment:** Portal MyGovernment berperanan sebagai platform tunggal akses perkhidmatan digital kerajaan bagi menjamin pengalaman perkhidmatan yang lancar dan mesra pengguna.

- **Promosi dan Pengurusan Perubahan:** Strategi komunikasi dan pengurusan perubahan yang berkesan untuk mempromosikan inisiatif digital dan menggalakkan penerimaan di seluruh sektor awam dan dalam kalangan rakyat.

EKONOMI DIGITAL: Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Ekonomi digital adalah elemen penting dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia, melibatkan integrasi teknologi dalam semua aspek kehidupan. Malaysia bercita-cita untuk menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital, dengan memberikan tumpuan utama kepada bidang-bidang yang berikut:

Infrastruktur Digital yang Kukuh: Perluasan liputan jalur lebar, pelaksanaan 5G dan pelaburan dalam teknologi terkini untuk menyediakan asas yang kukuh untuk transformasi digital.

PendigitalanPerniagaan: Pendigitalan perniagaan, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menggunakan peralatan dan solusi digital bagi meningkatkan produktiviti, menembusi pasaran dan meningkatkan daya saing perniagaan.

Pembangunan Kemahiran Digital: Mendedahkan masyarakat dengan kemahiran dan literasi digital yang penting untuk beradaptasi dalam era digital dan seterusnya melahirkan tenaga kerja berkemahiran.

MASYARAKAT DIGITAL: Pemerkasaan Komuniti Dalam Era Digital

Masyarakat Digital memainkan peranan penting dalam perjalanan transformasi digital Malaysia yang memfokuskan kepada pemerkasaan rakyat untuk memperoleh manfaat ekonomi digital dan melahirkan masyarakat yang celik digital dan bertanggungjawab. Aspek utama Masyarakat Digital merangkumi:

- **Jurang Digital:** Menangani ketidaksamaan dalam akses dan kemahiran digital merentasi pelbagai lapisan masyarakat merangkumi golongan rentan. Ini termasuk usaha mempertingkatkan prasarana dan akses digital.

Usaha ini diperkasakan menerusi inisiatif-inisiatif seperti:

- **eRezeki:** Membantu individu menjana pendapatan menerusi platform dalam talian dan perkhidmatan digital.

- **eUsahawan:** Menyediakan latihan keusahawanan digital untuk mempersiapkan individu dengan kemahiran untuk memulakan dan melebarkan perniagaan dalam talian.

- **Pusat Internet:** Menawarkan akses Internet dan latihan literasi digital untuk komuniti, terutamanya dari kawasan luar bandar.

- **Program Promosi Literasi Digital:** Membekalkan rakyat dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengharungi dunia digital dengan yakin dan selamat merangkumi:

- **Portal Rakyat Digital:** Menawarkan modul pembelajaran dalam talian yang mudah diakses berkenaan pelbagai teknologi baharu.

- **AI untuk Rakyat:** Menawarkan modul pembelajaran kendiri dalam talian untuk mempertingkatkan literasi dan kesedaran AI.

- **Tingkah Laku Digital yang Beretika:** Pengalaman dalam talian yang bertanggungjawab dan beretika, mempromosikan kerakyatan digital dan keselamatan dalam talian.

- **Menggalakkan Keusahawanan Digital:** Membimbing pertumbuhan perniagaan dalam talian dan mencipta pelbagai peluang buat individu untuk memanfaatkan teknologi bagi pemerkasaan ekonomi. Antara inisiatif yang diperkenalkan ialah ePenjana yang menggalakkan penerimaan e-dompet bagi menggalakkan transaksi digital dan keterangkuman kewangan.



Pencapaian Setahun Kementerian Digital 2024





Kerajaan Digital 2024

Menerajui Transformasi Digital dalam Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan.

01

NAIO

Memacu Agenda Kecerdasan Buatan Malaysia

02

Chatbot AI@JDN

Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam melalui Kecerdasan Buatan

03

JTISA

Pemantapan Perolehan Projek ICT Kerajaan

04

MyGovNet

Memperluas Jangkauan dan Meningkatkan Keselamatan Kerajaan Digital

05

MADANI*NET

Menyediakan Akses Fasiliti Kesihatan Digital untuk Komuniti Luar Bandar

KERAJAAN DIGITAL 2024

01 Pejabat AI Kebangsaan (NAIO): Menerajui Agenda AI Malaysia



Pejabat AI Kebangsaan (NAIO): Menerajui Agenda AI Malaysia

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) pada 28 Ogos 2024 untuk menerajui agenda AI negara dengan misi menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama AI di rantau ASEAN dan peringkat antarabangsa. Pada peringkat awal, NAIO beroperasi di bawah MyDIGITAL Corporation. Kerjasama ini memastikan peralihan yang lancar dan pelaksanaan strategi dan insiatif yang lebih berkesan.

Kepentingan Inisiatif: Meletakkan Malaysia sebagai hab AI – Pasaran Malaysia selaku destinasi utama bagi pelaburan dan inovasi AI di rantau ASEAN.

Kepentingan Inisiatif:

Meletakkan Malaysia sebagai hab AI – Pasaran Malaysia selaku destinasi utama bagi pelaburan dan inovasi AI di rantau ASEAN.

Peranan dan Tanggungjawab Utama

NAIO akan:

- **Mengetuai inisiatif-inisiatif AI:** Memimpin inisiatif yang memanfaatkan AI untuk mengukuhkan ekonomi digital, meningkatkan perkhidmatan awam, dan menyumbang kepada matlamat pembangunan mampan.
- **Memperkasakan infrastruktur AI:** Mendorong pembangunan infrastruktur AI yang kukuh, menggalakkan penggunaan, penyelidikan, dan pengkomersialan AI.
- **Memudahkan kerjasama serantau:** Mempromosikan penyertaan Malaysia dalam perkembangan AI serantau, terutamanya dalam ASEAN.

Perancangan Masa Hadapan

Selaras dengan peranan sebagai peneraju agenda AI negara, Pejabat NAIO akan melaksanakan perkara yang berikut:

- Pelan tindakan teknologi AI untuk tahun 2026 sehingga 2030 dibangunkan bertujuan meningkatkan daya saing negara dan keyakinan pelabur asing.
- Rangka kerja kawal selia dibangunkan bagi menggalakkan penerimagunaan teknologi AI yang beretika dan mampan;
- Adaptasi teknologi AI dengan segera dan menggembleng pihak berkepentingan untuk memastikan penerimagunaan teknologi secara menyeluruh dan khusus kepada sektor utama negara yang dikenal pasti;
- Set data berkaitan teknologi AI dibangunkan bagi membantu Kementerian/agensi merancang strategi dan melaksanakan program yang lebih tepat untuk kumpulan sasaran;
- Penyediaan laporan trend AI negara mengikut sektor;
- *Practical Guide AI Ethics and Governance* diperkenalkan bagi memastikan perancangan, pengendalian dan penggunaan AI secara beretika dan bertanggungjawab; dan
- Penyediaan laporan kajian impak AI ke atas semua sektor perkhidmatan Kerajaan.

Pencapaian 2024:

1 Pejabat NAIO
ditubuhkan pada 28 Ogos 2024

1 *Practical Guide*
Kod Etika Kecerdasan Buatan dihasilkan

KERAJAAN DIGITAL 2024

02 Chatbot AI@JDN: Meningkatkan Kecekapan dan Interaksi Rakyat



Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Awam Menerusi Penyelesaian Mesra Rakyat dan Dikuasakan oleh AI

Kementerian Digital melalui Jabatan Digital Negara dengan jayanya telah meluncurkan AI@JDN, sebuah chatbot yang dikuasakan AI pada laman sesawang rasmi Kementerian. Aplikasi ini dibangunkan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan JDN, khususnya bagi agensi sektor awam dan orang ramai

Pembangunan ChatbotAI@JDN

- Pembangunan dan Peluncuran: AI@JDN dibangunkan sendiri oleh Bahagian Kerajaan Digital di Jabatan Digital Negara (JDN), membuktikan komitmen untuk membina kepakaran dari dalam dan sifat mandiri. Chatbot ini telah diluncurkan secara rasminya pada 22 Julai 2024 dan diintegrasikan ke dalam Portal JDN.
- AI@JDN adalah contoh implementasi teknologi AI yang berjaya dalam sektor awam, sekali gus menggalakkan lebih banyak penggunaan solusi yang dikuasakan AI merentasi agensi-agensi kerajaan.


Perancangan Masa Hadapan

Bagi mempertingkatkan lagi keupayaan *chatbox* ini, AI@JDN bakal tampil dengan teknologi pengesahan suara, mendayakan pengalaman pengguna yang lebih 'natural' dan interaktif. Kementerian Digital akan terus memantau dan menilai prestasi chatbot menerusi KPI yang telah digariskan untuk menjamin penambahbaikan yang berterusan dan memaksimakan sumbangannya kepada Malaysia yang berdaya digital.

Pencapaian 2024:

1 Platform Chatbot
telah diluncurkan pada 22 Julai 2024

5928 Jumlah Pertanyaan
diterima oleh JDN sehingga November 2024



KERAJAAN DIGITAL 2024

03 JTISA: Menjamin Nilai dan Impak Projek-Projek ICT Sektor Awam



Penyelarasan Kelulusan Projek ICT Kerajaan Demi Sektor Awam yang Berdaya Saing

Bagi memaksimakan nilai pelaburan sektor ICT awam, Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) menilai setiap permohonan projek dengan teliti. JTISA menilai permohonan projek ICT agensi Sektor Awam dari aspek daya maju teknikal (technical viability), pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos bagi memastikan keperluan projek selaras dengan pelan strategik agensi dan matlamat pendigitalan negara. Proses ini boleh memastikan projek ICT yang dilaksanakan memberi impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus menyumbang kepada transformasi digital tanah air.

Kepentingan Inisiatif

Proses penilaian JTISA yang teliti ini memastikan semua projek ICT:

- **Memberi Pulangan Nilai Untuk Wang:** Setiap projek dinilai untuk memastikan bahawa ia mampu mendatangkan pulangan terbaik ke atas pelaburan dana awam.
- **Memberi Impak dan Keberkesanan Tinggi:** Setiap projek dinilai berdasarkan potensi untuk mendatangkan hasil yang positif untuk rakyat dan menambah baik perkhidmatan awam.
- **Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan:** Menerusi penyelarasan penyampaian perkhidmatan dan pengoptimuman operasi kerajaan, setiap projek yang diluluskan menyumbang kepada peningkatan kecekapan sektor awam.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Kelulusan Projek: Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2024, JTISA telah menimbang dan meluluskan 84 permohonan projek ICT dengan nilai keseluruhan projek mencecah RM2,997,494,617.43.

Perancangan Masa Hadapan

JTISA akan terus memainkan peranan penting dalam menjamin implementasi projek ICT yang menyumbang kepada visi Malaysia untuk menjadi sebuah negara digital. Jawatankuasa ini kekal berdedikasi untuk menjunjung piawaian penilaian dan kelulusan yang terbaik, memastikan pelaburan ICT sektor awam mendatangkan pulangan nilai dan impak maksima buat rakyat Malaysia.

Pencapaian 2024:



84 projek ICT

Projek ICT dinilai dan diluluskan oleh JTISA dari Januari hingga Disember 2024, dengan jumlah kos projek sebanyak RM2.9 bilion



KERAJAAN DIGITAL 2024

04 MyGovNet: Penghubung Kerajaan Digital Malaysia



Meluaskan Capaian dan Mempertingkatkan Keselamatan Digital Kerajaan

MyGovNet yang diuruskan oleh Jabatan Digital Negara (JDN) merupakan rangkaian telekomunikasi bersepadu kerajaan yang menghubungkan Kementerian, Jabatan, dan Agensi kerajaan. Infrastruktur ini menyokong komunikasi dan perkongsian data yang lancar, seterusnya mendayakan kecekapan perkhidmatan dan meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

MyGovNet terdiri daripada tiga komponen utama: MyGovNet.WAN, MyGovNet.PCN, dan MyGovNet. Global.

Kepentingan Inisiatif:

MyGovNet memainkan peranan yang kritikal dalam:

- Menyokong komunikasi yang cekap dan selamat antara entiti kerajaan.
- Menyokong penyampaian perkhidmatan digital untuk rakyat.
- Mendayakan akses kepada aplikasi dan sumber-sumber dalam talian milik kerajaan.
- Memperkukuh keterhubungan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Capaian rangkaian setakat 31 Oktober 2024

- **MyGov*Net.WAN:** 10,306 talian yang menghubungkan 239 agensi kerajaan.
- **MyGov*Net.PCN:** 57,000 pengguna merentasi 103 agensi.
- **MyGov*Net.Global:** 62 Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

Perancangan Masa Depan:

- **Mengoptimumkan MyGovNet. WAN:** Menjamin operasi yang optimum dan memperkasakan keselamatan rangkaian untuk mengekalkan rangkaian yang boleh dipercayai dan selamat untuk agensi-agensi kerajaan.
- **Menaik taraf MyGovNet.PCN:** Melaksanakan penaiktarafan perkhidmatan menjelang suku tahun kedua 2025 untuk menambah baik prestasi dan memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah-ubah.
- **Memperluas MyGovNet. Global:** Memperluas capaian perkhidmatan ke 30 Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara, mengukuhkan jalinan kerjasama dan keterhubungan antarabangsa.

Pencapaian 2024:

10,306 saluran menjana MyGov*Net.WAN, menghubungkan 239 agensi kerajaan dengan lancar

57,000 pengguna merentasi 103 agensi kini disambungkan melalui MyGov*Net.PCN

62 Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara melalui MyGov*Net.Global



KERAJAAN DIGITAL 2024

05 MADANI*NET: Merapatkan Jurang Digital Dalam Penjagaan Kesihatan



Menghubungkan Komuniti Luar Bandar Dengan Rangkaian Perkhidmatan Penting Dalam Talian

Komited untuk membekalkan tahap perkhidmatan kesihatan yang setara, MADANI*NET ialah inisiatif kerajaan untuk membekalkan keterhubungan digital kepada komuniti luar bandar di Malaysia. Menerusi akses internet yang boleh dipercayai, MADANI*NET menjamin hak masyarakat terpinggir untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik, ruang komunikasi yang dipertingkatkan dan peluang untuk merapatkan jurang digital.

Keterhubungan Dipertingkatkan di Kawasan Pedalaman: Pemasangan teknologi VSAT High Throughput Satellite (HTS) dengan kelajuan pada kadar 25Mbps telah memberi impak besar kepada perkhidmatan internet berkapasiti tinggi di kawasan-kawasan pedalaman, membolehkan para pengamal penjagaan kesihatan untuk mengakses sumber rujukan penting dalam talian, dihubungkan kepada fasiliti-fasiliti lain secara efektif dan menyediakan penjagaan yang lebih baik buat para pesakit.

Kepentingan Inisiatif

MADANI*NET memainkan peranan penting dalam:

- Menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam talian kepada komuniti luar bandar.
- Memperkasakan liputan dan kualiti penjagaan kesihatan di kawasan- kawasan terpencil.
- Meningkatkan kualiti prestasi perkhidmatan dan akses kepada penjagaan kesihatan buat kelompok sasar.
- Merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar, seterusnya memupuk akses maklumat dan teknologi yang setara.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)


Keterhubungan Diperluas: Sehingga November 2024, MADANI*NET telah berjaya menghubungkan lapan klinik kesihatan di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak. Klinik-klinik tersebut adalah:

- Klinik Kesihatan Tunoh Scheme, Sarawak
- Klinik Kesihatan Nanga Gaat, Sarawak
- Klinik Kesihatan Narandang, Kudat, Sabah
- Klinik Kesihatan Indarason, Kudat, Sabah
- Klinik Kesihatan Timbua, Ranau, Sabah
- Klinik Kesihatan Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Kedah
- Klinik Kesihatan Desa Selat Lubuk Chempedak, Langkawi, Kedah
- Klinik Kesihatan Bahagia, Kuala Krai, Kelantan

Perancangan Masa Hadapan

Impak dan peluasan pelaksanaan MADANI*NET akan diteruskan pada masa hadapan. Dengan menghubungkan perkhidmatan MyGovNet kepada lebih banyak agensi-agensi kerajaan di kawasan luar bandar, inisiatif ini bakal memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam dan memupuk inklusi digital dengan menyediakan akses kepada sumber rujukan dan perkakasan digital yang penting.

Kepentingan Inisiatif:
Menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam talian kepada komuniti luar bandar.



Pencapaian 2024:

8

Klinik Kesihatan di Kawasan Luar Bandar

di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah berjaya dihubungkan dengan MADANI*NET



Ekonomi Digital 2024

Transformasi perniagaan yang menyeluruh merentasi setiap sektor ekonomi melalui adaptasi teknologi digital.

01

Pelaburan Digital

Pelaburan melebihi RM160 bilion yang menggambarkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi digital Malaysia

02

Transformasi Digital Perniagaan PMKS

Pemerkasaan PMKS melalui adaptasi digital dalam perniagaan

03

GAIN

Menyokong peningkatan syarikat teknologi tempatan ke dalam arena global

04

PRIME

Menyokong usaha keusahawanan digital melalui nama domain .MY

05

MDX 2024

Menyokong platform masa hadapan yang menghimpunkan pemimpin teknologi dan pempengaruh

06

DE Rantau

Menjadikan Malaysia sebagai hab inovator digital

EKONOMI DIGITAL 2024

01 Pelaburan Digital: Memacu Ekonomi Digital Malaysia



Tarikan Pelaburan Bagi Memacu Pertumbuhan Digital

Malaysia kekal teguh dalam usaha untuk muncul sebagai antara pasaran ekonomi digital terkemuka di ASEAN. Pejabat Pelaburan Digital (DIO) telah meluluskan nilai pelaburan digital yang luar biasa, mencecah RM185.3 bilion sejak awal penubuhannya pada 2021, melebihi sasaran awal yang ditetapkan oleh Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM). Pelaburan-pelaburan ini memainkan peranan penting dalam memacu inovasi, mencipta peluang pekerjaan, dan merangsang pertumbuhan ekonomi merentasi pelbagai sektor. Salah satu aspek yang merekodkan pelbagai kejayaan Malaysia dalam daya tarikan pelaburan adalah pusat data hiperskala.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Kejayaan Mencapai Sasaran Pelaburan:** Sehingga Mac 2024, Malaysia telah meluluskan pelaburan digital sebanyak RM185.3 bilion, melebihi sasaran awal sebanyak RM70 bilion yang ditetapkan oleh MyDIGITAL.
- **Faktor Utama Kejayaan Malaysia:** Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai antara penyumbang kejayaan Malaysia dalam daya tarikan pelaburan digital:
  - Penggunaan awal teknologi canggih dan model perniagaan inovatif.
  - Keutamaan terhadap kemajuan teknologi dan pendigitalan merentasi pelbagai sektor.
  - Kerjasama serantau dan antarabangsa, termasuk sebuah rangka kerja hasil kerjasama dengan Singapura.
  - Pelaburan besar dalam pusat data hiperskala, menunjukkan komitmen terhadap infrastruktur digital yang canggih.

Kepentingan Inisiatif

Tarikan pelaburan digital bakal memacu pertumbuhan ekonomi, menjana inovasi dan memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai pemimpin ekonomi digital.

Perancangan Masa Hadapan

Bagi menarik lebih banyak pelaburan asing, Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam misi pelaburan strategik ke negara-negara utama seperti Amerika Syarikat, China, UAE, Singapura, Jerman, Hong Kong dan Jepun.

Pelaburan-pelaburan sebegini mencerminkan keyakinan yang semakin kukuh ke atas ekonomi digital Malaysia dan potensinya untuk memacu lebih banyak pertumbuhan pada masa hadapan.

Testimoni dan Kisah Kejayaan: Beberapa syarikat terkemuka telah menzahirkan komitmen dalam pelaburan digital di Malaysia, merangkumi:

- Dominos
- Speedmatrix
- Aperia Cloud
- MASVERSE
- TNG Digital
- LTX Credence


Pencapaian 2024:

RM185.3 bilion

dalam pelaburan digital telah diluluskan setakat Mac 2024, melebihi sasaran awal RM70 bilion

EKONOMI DIGITAL 2024

02 Program Transformasi Pendigitalan PMKS: Pemerkasaan PMKS Dalam Era Digital



Inisiatif transformasi digital Selangor telah menunjukkan hasil yang cemerlang dengan lebih 700 hingga 800 perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) kini lebih mahir dalam keusahawanan digital dalam tempoh setahun.

Berita Harian, 3 Oktober 2024

Memacu Penerimaan Digital Bagi Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi

Program Transformasi Pendigitalan PMKS adalah sebuah inisiatif utama yang bertujuan memperkasakan PMKS Malaysia untuk meraikan teknologi digital dan berkembang maju dalam ekonomi digital. Program ini penting untuk mendepani landskap peruncitan yang sentiasa berubah-ubah, iaitu dengan kemunculan model hybrid yang menggabungkan saluran dalam dan luar talian mendatangkan pelbagai peluang dan cabaran buat entiti-entiti perniagaan.

Kebangkitan Peruncitan Hybrid

Sebuah laporan OECD terkini *SMEs in the Era of Hybrid Retail: Evidence from an OECD D4SME Survey (2023)* menggariskan peningkatan trend peruncitan hybrid, mendayakan para pengguna untuk meletakkan lebih banyak jangkaan terhadap pilihan-pilihan dalam dan luar talian. Anjakan ini memberikan peluang kepada PMKS untuk meluaskan capaian, meningkatkan jualan dan membina perhubungan pelanggan yang lebih kukuh. Namun, ia juga tampil dengan cabarannya yang tersendiri, seperti peningkatan dalam persaingan dan keperluan untuk memiliki keupayaan digital yang mantap.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Penerimaan Digital: 9,118 PMKS telah berjaya mengintegrasikan teknologi digital ke dalam pengoperasian perniagaan mereka, semakin menghampiri sasaran 10,000 buah PMKS. Ini menandakan perkembangan yang memberangsangkan dalam memacu penerimaan digital dalam arena PMKS.

Pemacu Utama Kejayaan Malaysia

Beberapa faktor menyumbang kepada kejayaan Malaysia dalam menarik pelaburan digital:

- Penerapan awal teknologi canggih dan model perniagaan inovatif.
- Keutamaan terhadap kemajuan teknologi dan pendigitalan dalam pelbagai sektor.
- Kerjasama serantau dan antarabangsa, termasuk rangka kerja kerjasama dengan Singapura.
- Pelaburan besar dalam pusat data berskala besar, yang menunjukkan komitmen terhadap infrastruktur digital yang maju.

Kepentingan Inisiatif

Program Transformasi Pendigitalan PMKS akan:

- Mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan menerusi penggunaan teknologi digital.
- Mencipta pelbagai peluang pertumbuhan dan aliran pendapatan bagi PMKS.
- Melonjakkan daya saing PMKS tempatan dalam ekonomi digital.
- Mempersiapkan PMKS dengan kemahiran-kemahiran digital yang penting untuk menguruskan saluran dalam talian dan mengurangkan risiko-risiko digital.



Perancangan Masa Hadapan

- Bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi tempatan, dikenali sebagai Rakan Pendigitalan (DP) dan Rakan Sokongan (SPs), untuk mengenal pasti dan menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PMKS dalam menggunakan teknologi-teknologi digital.
- Menganjurkan bengkel dan program-program latihan untuk memudahkan penerimaan perkakasan dan penyelesaian digital oleh PMKS.

Pencapaian 2024:

9,118 PMKS

(Perniagaan Mikro, Kecil dan Sederhana) telah berjaya mengintegrasikan teknologi digital ke dalam proses perniagaan mereka



EKONOMI DIGITAL 2024

03 GAIN: Memperkasakan Syarikat-Syarikat Teknologi Tempatan Di Pentas Global



Memacu Pertumbuhan Antarabangsa

Program Gateway, Amplify, Invest and Nurture (GAIN) ialah sebuah inisiatif di bawah kelolaan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), direka untuk memperkasakan syarikat-syarikat teknologi tempatan yang berpotensi untuk melebarkan sayap perniagaan mereka dan mencipta kejayaan dalam pasaran global. Dengan menyediakan sokongan dan sumber yang komprehensif, GAIN bertujuan membangunkan ekosistem yang berkembang pesat bagi syarikat teknologi Malaysia untuk berkembang dan bersaing pada peringkat antarabangsa.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)


- **Keuntungan Eksport:** Program GAIN telah menjana keuntungan pendapatan eksport sebanyak RM1.13 bilion, membuktikan keberkesanannya dalam memacu pertumbuhan antarabangsa bagi syarikat teknologi Malaysia. Jumlah ini hampir mencapai sasaran RM1.4 bilion.
- **Impak Keseluruhan:** Sejak 2017, GAIN telah menjana keuntungan mencecah RM31.9 bilion dan nilai eksport berjumlah RM11.2 bilion.
- **Capaian Global:** Lebih daripada 150 syarikat teknologi Malaysia telah menyertai program GAIN, menembusi pasaran lebih 26 buah negara.
- **Memudah Cara Perhubungan:** Program ini telah menganjurkan lebih 1,000 mesyuarat perniagaan secara peribadi, menghubungkan syarikat-syarikat tempatan dengan pelbagai rakan kongsi dan pelabur yang berpotensi.
- **Mengetengahkan Teknologi Buatan Malaysia:** Pada Jun 2024 yang lalu, GAIN bekerjasama dengan Sidec dan InvestSelangor bagi *Southeast Asia's Business Boom: Sealing Deals* semasa penganjuran London Tech Week, berjaya memperkenalkan 10 syarikat teknologi tempatan di persada antarabangsa.

Kepentingan Inisiatif Program GAIN bakal:

- Memperkasakan syarikat teknologi Malaysia untuk melebarkan sayap ke pasaran antarabangsa dan berdaya saing di pentas global.
- Mendatangkan akses kepada pelbagai pasaran baharu, jalinan kerjasama dan peluang pelaburan.
- Mempertingkatkan reputasi syarikat teknologi tempatan dan menarik pelaburan asing.
- Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital dan mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi.

Perancangan Masa Hadapan

- Menyokong pertumbuhan syarikat teknologi tempatan, dengan melaksanakan insiatif-inisiatif untuk kelangsungan jangka panjang, termasuklah:
  - Program-program untuk memperkukuh komuniti dan ekosistem syarikat pemula.
  - Program-program pementoran untuk memberikan bimbingan dan sokongan kepada syarikat-syarikat digital.



Pencapaian 2024:

RM1.13 bilion

dalam hasil eksport telah dijana melalui program GAIN, menunjukkan kejayaannya dalam memacu pertumbuhan antarabangsa bagi syarikat teknologi Malaysia dan menghampiri sasaran RM1.4 bilion



Kepentingan Inisiatif: Memperkasa syarikat teknologi Malaysia untuk melebarkan sayap ke pasaran antarabangsa dan berdaya saing di pentas global.

EKONOMI DIGITAL 2024

04 PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital): Memperkasakan Keusahawanan Digital



Kepentingan Inisiatif: Mempromosikan kepentingan penggunaan nama domain .MY untuk membina kewujudan dalam talian yang kukuh dan membina kepercayaan para pelanggan.

Memacu Pertumbuhan Sosioekonomi Menerusi Penerimaan Digital

Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) di bawah kawal selia MYNIC adalah inisiatif untuk membantu individu dan perniagaan Malaysia bagi memulakan perjalanan pendigitalan mereka. Dilancarkan pada November 2020, program awal PRIME menawarkan 20,000 nama domain BIZ.MY secara percuma kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi membantu mereka menyesuaikan diri dengan realiti perniagaan baharu pasca pandemik COVID-19.

Mendukung Keusahawanan Digital

MYNIC telah memperuntukkan RM1.6 juta untuk pelaksanaan PRIME, membuktikan komitmen untuk mendukung keusahawanan digital dalam kalangan usahawan, komuniti luar bandar, dan orang kurang upaya. Inisiatif ini memfokuskan kepada tiga aspek utama, iaitu penjenamaan digital, platform teknologi, dan pembangunan modal insan. PRIME juga memperkenalkan kategori nama domain baharu, BIZ.MY, khusus buat entiti perniagaan tempatan.

Inisiatif berterusan ini direka untuk mendayakan usahawan Malaysia dengan kemahiran digital dan peralatan yang diperlukan untuk berkembang dalam ekonomi digital. Dengan mempromosikan penggunaan nama domain .MY dan menyediakan latihan mengenai e-dagang serta pemasaran digital, PRIME bertujuan merangsang pertumbuhan sosioekonomi dan meningkatkan daya saing perniagaan Malaysia.

Mempertingkatkan Keselamatan Dalam Talian dan Kemahiran Digital

Sebagai tambahan kepada pemberian nama domain secara percuma, PRIME menawarkan sumber rujukan dan program rujukan yang berharga untuk menyokong usahawan-usahawan dalam perjalanan digital. Ini merangkumi:

- **DNS Secure Resolver:** Meningkatkan keselamatan dalam talian dan melindungi ekosistem digital.
- **Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital:** Membekalkan usahawan dengan kemahiran dan pengetahuan untuk membina kehadiran dalam talian dan memasarkan perniagaan mereka dengan berkesan melalui laman web dan media sosial.
- **Sesi Kesedaran Keselamatan Siber:** Mendidik usahawan tentang amalan terbaik keselamatan siber, memfokuskan kepada kepada pembangunan laman web, pengiklanan dalam talian, dan penggunaan alat dalam talian seperti Google My Business.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- Program Kesedaran dan Latihan: Sehingga Oktober 2024, PRIME telah mengendalikan 26 sesi latihan, memberikan manfaat kepada 1,071 peserta di pelbagai lokasi di seluruh negara. Sesi-sesi ini dikendalikan dengan kerjasama bersama pelbagai organisasi:
  - UTEM Melaka
  - Perdasama Kuala Terengganu
  - IKMa dalam talian
  - KUSKOP, Kuching
  - ELoKAL, Melaka
  - TEKUN
  - MAIWP
  - HRDCorp
  - SIP Perkeso
  - FAMA
  - CSR MADANI (Kg Masjid)
- **Pemasaran dan Promosi:** Aktiviti pemasaran dan promosi PRIME telah mencecah jumlah capaian yang besar, dengan 221,468 tontonan dan 1,185,491 paparan merentasi pelbagai inisiatif, termasuk:
  - Webinar Cerita .MY Saya (Januari- Oktober)
  - Podcast .MY (Julai-Oktober)
  - Kempen Rev-Up & Register (Mei-Oktober)

Kepentingan Inisiatif

Program PRIME bakal:

- **Meningkatkan Kesedaran:** Mempromosikan kepentingan penggunaan nama domain .MY untuk membina kewujudan dalam talian yang kukuh dan membina kepercayaan para pelanggan.
- **Membangunkan Kemahiran Digital:** Membekalkan usahawan dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memanfaatkan ekosistem e-dagang dan memasarkan perniagaan mereka secara efektif dalam talian.
- **Memacu Pertumbuhan Sosio Ekonomi:** Menyumbang kepada transformasi negara digital dengan memperkasa para usahawan untuk mengambil bahagian dalam ekonomi digital dan meluaskan capaian mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- **Meningkatkan Peluang Perniagaan dalam Talian:** Mencipta peluang-peluang baharu buat para usahawan untuk memajukan perniagaan dan menembusi pasaran baharu.
- **Mengukuhkan Daya Saing:** Meningkatkan daya saing perniagaan Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Perancangan Masa Hadapan

MYNIC merancang untuk meluaskan lagi pelaksanaan PRIME dengan kerjasama bersama lebih banyak kementerian, agensi, koperasi, pertubuhan PKS dan syarikat. Ini bakal mempertingkatkan kemahiran keusahawanan digital dan menggalakkan penerimaan nama domain .MY bagi perniagaan-perniagaan e-dagang.

Testimoni dan Kisah Kejayaan

Peningkatan Jualan dan Penembusan Pasaran Antarabangsa: Seorang peserta program latihan PRIME-MAIWP telah berjaya meningkatkan pendapatan jualan alat ganti kereta dengan ketara setelah mewujudkan kehadiran dalam talian dengan penggunaan nama domain .MY. Mereka kini menerima pesanan dari dalam dan luar negara, menunjukkan impak program ini dalam memperluas capaian perniagaan.

Pencapaian 2024:

26 Sesi Latihan PRIME
diselaraskan di seluruh negara

1071 Peserta
telah menyertai program PRIME

EKONOMI DIGITAL 2024

05 Persidangan Malaysia Digital Xceleration 2024 (MDX 2024)



Persidangan Malaysia Digital Xceleration Summit (MDX) 2024 yang telah dianjurkan pada 24-25 Oktober yang lalu, merupakan platform dinamik untuk meneroka potensi teknologi untuk memperkukuh lagi kedudukan Malaysia dalam era digital. Persidangan ini merangkumi pembentangan utama, panel perbincangan bersama pakar, dan pameran interaktif berkenaan teknologi terkini seperti AI, pengkomputeran kuantum, dan keselamatan siber. Antara figura yang terkemuka yang telah menghadiri persidangan ini ialah Fleur Pellerin, bekas Menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana Perancis dan Mike Walsh, CEO Tomorrow.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Kejayaan Penganjuran:** Persidangan ini telah berlangsung di MITEC, Kuala Lumpur, berjaya menarik penyertaan 2,785 peserta dan 39 penceramah.
- **Capaian Meluas:** Liputan media bagi penganjuran acara ini mencecah lebih 4 juta paparan, dengan nilai media mencecah RM 983,043.55.
- **Perbincangan Topik-Topik Utama:** Persidangan ini telah membolehkan diskusi teknologi-teknologi terkini seperti AI, pengkomputeran kuantum, dan keselamatan siber.

Perancangan Masa Hadapan

Menjadikan persidangan MDX sebagai sebuah acara tahunan yang menghimpunkan para pemimpin industri, sektor awam, dan teknologi untuk membincangkan masa depan ekonomi digital Malaysia.

Kepentingan Inisiatif

- **Menonjolkan Kemajuan Digital:** MDX 2024 merupakan sebuah platform untuk mempamerkan kemajuan terkini dalam teknologi digital dan menggalakkan penerimaan teknologi generasi akan datang.
- **Mengukuhkan Kedudukan Malaysia sebagai Hab Digital:** Dengan penampilan pelbagai figura antarabangsa serta kepelbagaian sidang hadirin, MDX 2024 mengukuhkan lagi peranan Malaysia sebagai hab digital serantau.
- **Mendorong Pelaburan Digital dan Inovasi:** Sidang kemuncak ini juga memberikan ruang untuk menarik pelaburan digital dan memupuk inovasi selaras dengan matlamat kemampanan global.
- **Perkongsian Pengetahuan dan Kerjasama:** MDX 2024 memudahkan perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara pemimpin industri, pegawai kerajaan, dan pakar teknologi, seterusnya memacu kemajuan ekonomi digital Malaysia.
- **Fokus kepada Teknologi Generasi Akan Datang:** Penganjuran program ini meraikan teknologi generasi akan datang seperti kecerdasan buatan, keselamatan siber, dan metaverse untuk mendorong transformasi digital Malaysia dan mengukuhkan daya saing di pentas global.
- **Menjadikan Malaysia Sebagai Kuasa Digital:** MDX adalah langkah strategik untuk menjadikan Malaysia sebuah kuasa digital di ASEAN.
- **Memupuk Masa Depan Berasaskan Teknologi dan Mampan:** Menerusi beberapa fokus utama dalam bidang inovasi seperti Metaverse dan sistem yang dikuasakan AI, Malaysia sedang membina asas masa depan yang mampan dan berasaskan teknologi.
- **Menarik Pelaburan Bernilai Tinggi:** Ini meletakkan negara dalam kedudukan yang baik untuk menarik pelaburan bernilai tinggi, terutamanya daripada para pemain digital global.

Kepentingan Inisiatif: MDX ialah langkah strategik untuk menjadikan Malaysia sebuah kuasa digital di ASEAN.



KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

EKONOMI DIGITAL 2024

06 DE Rantau: Membangunkan Malaysia Sebagai Hab Nomad Digital



Mengenai DE Rantau

DE Rantau merupakan sebuah inisiatif di bawah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang bertujuan untuk membangunkan Malaysia sebagai Hab Nomad Digital pilihan utama di ASEAN. Inisiatif ini berhasrat untuk memperkasakan penerimaan digital dan mempromosikan mobiliti pengamal profesional dan pelancongan digital merentasi tanah air.

Ciri Utama DE Rantau:

- **Nomad Pass:** DE Rantau menawarkan Pas Nomad, sejenis Pas Lawatan Profesional yang membolehkan nomad digital luar yang berkelayakan untuk melancong dan bekerja di Malaysia bagi tempoh 12 bulan. Pas ini juga boleh diperbaharui untuk tempoh setahun lagi.
- **Hab DE Rantau:** Penginapan yang diperakui sebagai gaya hidup nomad digital diwujudkan untuk menyokong inisiatif ini, memberi manfaat kepada para pengusaha penginapan tempatan dan sektor pelancongan.

Manfaat DE Rantau

- **Daya Tarikan Bakat Digital:** DE Rantau menarik para pengamal digital profesional yang berkemahiran dari seluruh dunia, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital Malaysia.
- **Meningkatkan Pelancongan:** Program ini menggalakkan nomad digital untuk meneroka dan menikmati Malaysia, seterusnya menyumbang kepada sektor pelancongan dan mempromosikan pertukaran budaya.
- **Menyokong Komuniti Setempat:** Hab DE Rantau menyediakan peluang kepada perniagaan dan komuniti tempatan untuk meraih manfaat dari kehadiran nomad digital.
- **Memupuk Keseimbangan Kerja-Kehidupan:** Program ini membantu nomad digital untuk mengecapi keseimbangan kerja-kehidupan dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk bekerja dan bersantai.

Kepentingan Inisiatif:

DE Rantau dijangka bakal:

- Menempatkan Malaysia sebagai Hab Nomad Digital di rantau ini.
- Memacu pertumbuhan ekonomi dan sektor pelancongan.
- Menarik para pengamal digital profesional berkemahiran dan memupuk kewujudan komuniti nomad digital.
- Mempromosikan penerimaan digital dan melonjakkan imej Malaysia sebagai negara yang dikuasakan digital.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- Peluncuran Laman Sesawang: Laman sesawang rasmi DE Rantau (https://mdec.my/derantau), menyediakan maklumat komprehensif mengenai program ini, proses pemohonan Pas Nomad, dan Hab DE Rantau.

Perancangan Masa Hadapan

- Meluaskan program DE Rantau untuk melibatkan lebih banyak lokasi dan Hab DE Rantau di sekitar tanah air.
- Membina jalinan kerjasama dengan organisasi serta komuniti antarabangsa untuk mempromosikan DE Rantau di seluruh dunia.
- Memperhebat Pas Nomad dengan pelbagai kelebihan dan perkhidmatan tambahan untuk menarik lebih banyak nomad digital.
- Memupuk kerjasama antara nomad digital dan komuniti setempat untuk mencipta lebih banyak peluang bermanfaat buat kedua-dua pihak.



Pencapaian 2024:

4,419
Permohonan
Pas DE Rantau Nomad telah diterima oleh MDEC

Purata gaji tahunan pemegang Pas DE Rantau Nomad pada tahun 2024 adalah sebanyak

USD 72,091

1 Laman Sesawang
DE Rantau yang menyediakan maklumat program yang komprehensif

Kepentingan Inisiatif: Memacu pertumbuhan ekonomi dan sektor pelancongan.



Masyarakat Digital 2024

Pembentukan masyarakat digital melalui penyediaan infrastruktur dan akses digital, peningkatan literasi dan penerimagunaan digital

01

AI Untuk Rakyat

Memperkasakan Rakyat Malaysia dengan Literasi Kecerdasan Buatan

02

Portal Rakyat Digital

Memperluas Literasi Digital untuk Semua

03

CyberDSA

Memupuk Kerjasama dan Inovasi dalam Keselamatan Siber

04

SiberKASA

Memupuk Pemikiran Celik Keselamatan Siber

05

Pelaksanaan 5G Yang Dipercepatkan

Membina Negara yang Lebih Terhubung dengan 5G

06

Akta Perlindungan Data Peribadi

Memperkukuh Kerangka Perundangan Data Peribadi di Malaysia

07

MyDigitalMaker

Memperkasakan Pengetahuan dan Kemahiran Digital

08

MyDCF

Pencetus Kreativiti, Memperkasakan Masa Depan Digital

09

42Malaysia

Kolaborasi Kunci Pembangunan Bakat Digital Malaysia

KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

MASYARAKAT DIGITAL 2024

1.0 AI Untuk Rakyat: Memperkasakan Rakyat Malaysia Celik AI



Pendemokrasian Pendidikan AI

AI Untuk Rakyat adalah inisiatif nasional yang bertujuan mendemokrasikan pendidikan AI dan memperkasakan semua rakyat Malaysia dengan pengetahuan serta kefahaman mengenai Kecerdasan Buatan (AI). Program ini menyediakan modul pembelajaran dalam talian yang mudah diakses dan boleh diselesaikan mengikut tahap keselesaan masing-masing, direka untuk memupuk literasi AI dan mempersiapkan rakyat untuk merebut peluang dan mendepani cabaran dalam masa depan yang dipacu oleh AI.

Membina Sebuah Negara yang Meraikan AI

Lebih dari satu juta rakyat Malaysia telah berjaya melengkapkan program AI Untuk Rakyat dalam tempoh kurang enam bulan, melebihi sasaran asal sejuta rakyat Malaysia dalam tempoh setahun. Ini mencerminkan keghairahan rakyat Malaysia yang luar biasa untuk menerima literasi digital.

Pencapaian ini membuktikan komitmen kolektif negara untuk memupuk pendidikan AI dan membina masyarakat digital yang inklusif.

Akses dan Kerjasama

Diluncurkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 16 Januari 2024, AI Untuk Rakyat adalah usaha kerjasama kerajaan Malaysia dan Intel Corporation. Kerjasama ini menyediakan pengalaman pembelajaran yang komprehensif dan boleh diakses oleh semua rakyat Malaysia, tanpa mengira usia, latar belakang, mahupun tempat. Program ini menawarkan kandungan dalam pelbagai bahasa (bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil, dan bahasa Mandarin) dan serasi dengan aplikasi *talkback* bagi mereka yang mengalami masalah penglihatan.

Penyertaan

- **Pihak Kementerian:** Kementerian Digital, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, dan Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) memainkan peranan penting dalam mempromosikan program ini dan menggalakkan penyertaan.
- **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA):** Menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bagi dengan memastikan penglibatan kakitangan mencecah 100%.
- **Institusi Pendidikan:** Sekolah-sekolah seperti Methodist Girl School turut serta mengambil bahagian secara aktif dan menganjurkan sesi taklimat.
- **Organisasi Sukarela:** Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) memperluas capaian program buat lebih banyak segmen masyarakat
- **Rakan Media:** BERNAMA, agensi berita nasional telah menyebarkan maklumat tentang kejayaan program ini.

Ciri-ciri dan Inisiatif Utama

Dua Modul: AI Aware dan AI Appreciate yang menganugerahkan lencana digital selepas modul berjaya diselesaikan.

- **Akses Multibahasa:** Kandungan tersedia dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, dan Mandarin.
- **Akses untuk Penglihatan Terhad:** Serasi dengan aplikasi talkback.
- **Merapatkan Jurang Digital:** Program ditawarkan di kawasan luar bandar melalui pusat komuniti seperti NADI.
- **Kerjasama Sektor Awam dan Swasta:** Kerjasama dengan pelbagai organisasi, termasuk JPA, MOE, RELA, dan MOF, untuk mempromosikan penyertaan dan meningkatkan kesedaran.
- **Insentif:** Peluang untuk masuk ke Pusat Sains Negara bagi mereka yang telah menerima lencana.

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Melebihi Sasaran Penyertaan:** Sehingga 10 September 2024, lebih 1.29 juta rakyat Malaysia telah melengkapkan program AI Untuk Rakyat, melebihi sasaran asal sejuta rakyat Malaysia yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.
- **Memberi Insentif untuk Pembelajaran:** Tiket masuk percuma ke Pusat Sains Negara sepanjang 2024 bagi mereka yang berjaya melengkapkan kedua-dua modul AI Untuk Rakyat, bagi menggalakkan penglibatan dan mempromosikan literasi saintifik.

Kepentingan Inisiatif

AI Untuk Rakyat akan:

- Meningkatkan kesedaran dan memupuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai keupayaan, manfaat dan potensi impak AI terhadap masyarakat.
- Membangunkan kemahiran digital: Membekalkan rakyat Malaysia dengan pengetahuan dan kemahiran AI yang penting, sekali gus menyumbang kepada perkembangan tenaga kerja digital.
- Menggalakkan keterangkuman digital: Memastikan semua rakyat Malaysia berpeluang untuk belajar mengenai AI dan menyumbang kepada ekonomi digital, tanpa mengira latar belakang.

Perancangan Masa Hadapan

- **Memperluas peluang pembelajaran:** Membangunkan lebih banyak modul pembelajaran dalam talian yang mudah diakses dan boleh dilengkapkan kendiri, meliputi topik seperti keselamatan siber dan privasi data.
- **Meningkatkan penyertaan:** Memperluas lagi capaian AI Untuk Rakyat dengan mempromosikan program ini melalui pelbagai saluran, termasuk Program Madani Rakyat, pusat NADI, dan sekolah-sekolah.

Pencapaian 2024:

1.29 juta


Rakyat Malaysia telah menyelesaikan program AI Untuk Rakyat



Kepentingan Inisiatif: Meningkatkan kesedaran: Kesedaran dan memupuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai keupayaan, manfaat dan potensi impak AI terhadap masyarakat.

MASYARAKAT DIGITAL 2024

02 Portal Rakyat Digital: Kemahiran Digital Untuk Semua



Membangunkan Rakyat Digital

Portal Rakyat Digital adalah platform dalam talian yang direka untuk memperkasakan rakyat Malaysia dengan kemahiran dan pengetahuan digital yang penting. Sebagai kesinambungan program AI Untuk Rakyat, portal ini menawarkan modul pembelajaran yang mudah diakses dan menarik mengenai pelbagai teknologi terkini, seterusnya memupuk keterangkuman dan literasi digital di seluruh negara.

MyDIGITAL: Asas Sebuah Malaysia Yang Digital

Portal Rakyat Digital merupakan inisiatif utama di bawah MyDIGITAL, pelan strategik kerajaan Malaysia yang bercita-cita tinggi untuk mentransformasikan negara menjadi negara berpendapatan tinggi yang dipacu kemajuan digital dan pemimpin ekonomi digital serantau. MyDIGITAL bertujuan:

- **Membangunkan Ekonomi Digital Malaysia:** Memanfaatkan potensi teknologi Revolusi Industri Keempat (4IR) untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab, dan mampan.
- **Membina Masyarakat Digital yang Inklusif:** Membolehkan rakyat Malaysia meraikan pendigitalan untuk memperbaiki kualiti hidup, memupuk bakat, dan menjadi pengeluar pelbagai inovasi.
- **Mengambil Pendekatan Whole-of-Nation:** Mewujudkan kerjasama antara rakyat, sektor awam, dan sektor swasta untuk menjayakan matlamat ini.

MyDIGITAL memenuhi keperluan

- Mentaliti yang mengutamakan pendigitalan merentasi sektor awam.
- Ekosistem sokongan untuk peniagaan-perniagaan tempatan untuk pendigitalan.
- Infrastruktur jalur lebar dan digital yang berkualiti.
- Tenaga kerja sedia masa hadapan.
- Merapatkan jurang digital.
- Membina kepercayaan dan etika dalam dunia digital.

Portal Rakyat Digital Portal secara langsung menyumbang kepada aspirasi ini dengan menyediakan program literasi digital yang boleh diakses dan inklusif untuk semua rakyat Malaysia.

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

Persediaan untuk Pelancaran: Rakyat Digital Portal kini sedang melalui Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) dan dijadualkan untuk pelancaran pada November 2024.

Kepentingan Inisiatif: Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai teknologi baharu seperti AI, keselamatan siber, privasi data, pengkomputeran awan, dan *blockchain*.

Kepentingan Inisiatif

Portal Rakyat Digital bakal:

- **Meningkatkan Kesedaran:** Meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai teknologi baharu seperti AI, keselamatan siber, privasi data, pengkomputeran awan, dan *blockchain*.
- **Menghapuskan Salah Faham:** Menangani salah faham dan kebimbangan berkaitan dengan teknologi ini, seterusnya memupuk kepercayaan dan keyakinan dalam penerimaan teknologi.
- **Meningkatkan Kemahiran Digital:** Membekalkan rakyat Malaysia dengan kemahiran digital yang penting untuk berkembang dalam ekonomi digital.
- **Menggalakkan Keterangkuman Digital:** Menyediakan peluang pembelajaran yang boleh diakses oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang atau keupayaan, termasuklah mereka yang mengalami disleksia.
- **Membangunkan Tenaga Kerja Digital:** Menyumbang kepada pemerkasaan tenaga kerja digital yang berkemahiran untuk memenuhi permintaan ekonomi digital.

Perancangan Masa Hadapan

- **Pelancaran Portal:** Melancarkan Portal Rakyat Digital secara rasmi menjelang November 2024 yang bakal mengandungi kursus-kursus mengenai AI dan keselamatan siber.
- **Memperluas Tawaran Kursus:** Memperkenalkan pelbagai kursus baharu mengenai data, awan, dan teknologi *blockchain* pada suku pertama 2025.
- **Meningkatkan Aksesibiliti:** Memastikan portal mesra pengguna dan boleh diakses oleh semua, termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).
- **Meningkatkan Kesedaran:** Mempromosikan portal melalui pelbagai saluran untuk mencapai sasaran yang lebih luas dan menggalakkan penyertaan.

Pencapaian 2024:

1 Portal Rakyat

telah dibangunkan bagi meningkatkan kemahiran digital rakyat



KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

MASYARAKAT DIGITAL 2024

03 Cyber DSA 2024: Memperkasakan Landskap Keselamatan Siber Malaysia



Kepentingan Inisiatif: Merangsang budaya keselamatan siber: Meningkatkan kesedaran dan membentuk budaya keselamatan siber yang kukuh dalam kalangan individu dan organisasi.

Memupuk Jalinan Kerjasama dan Inovasi dalam Keselamatan Siber

Cyber Digital Services Defence and Security Asia (CyberDSA 2024) adalah sebuah acara keselamatan siber bertaraf premier yang menghimpunkan para pemimpin industri,pegawai-pegawai kerajaan, dan pakar-pakar dari seluruh dunia untuk membincangkan trend terkini, cabaran dan penyelesaian keselamatan siber.

Visi CyberDSA

CyberDSA berazam untuk muncul sebagai acara utama industri keselamatan dan pertahanan siber yang sarat pengisian di rantau ini. Acara ini juga menghubungkan para profesional keselamatan siber dan pegawai- pegawai sektor kerajaan dan swasta, seterusnya memacu agenda keselamatan dan pertahanan siber dengan lebih lanjut.

Acara ini bertindak sebagai platform kolaborasi, perkongsian pengetahuan, dan inovasi, seterusnnya mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam keselamatan siber dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Penyertaan Antarabangsa:** CyberDSA 2024 telah menarik serama 7,546 orang pengunjung dari 43 buah negara, membuktikan capaian komuniti antarabangsa dan kepentingan penganjurannya dalam komuniti keselamatan siber.
- **Penganjuran Persidangan:** Persidangan CyberDSA telah melibatkan 587 peserta, dan seramai 80 orang pembentang dan penceramah telah berkongsi kepakaran dan buah fikiran mereka mengenai isu-isu kritikal keselamatan siber.
- **Pameran Industri:** 120 buah syarikat dari 20 buah negara telah mengambil bahagian dalam pameran CyberDSA dan mengetengahkan teknologi serta penyelesaian keselamatan siber yang terkini.
- **Pengiktirafan Kecemerlangan:** The Malaysian Cyber Security Awards telah melibatkan pencalonan bagi 10 kategori, mengiktiraf dan meraikan pencapaian-pencapaian mengagumkan dalam landskap keselamatan siber negara.

Kepentingan Inisiatif

CyberDSA memainkan peranan penting dalam:

- **Memupuk Kerjasama:** Menyediakan platform bagi rakan-rakan industri dan agensi kerajaan untuk menjalinkan kerjasama berkenaan inisiatif-inisiatif keselamatan siber.
- **Menggalakkan Perkongsian Pengetahuan:** Memudahkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran berkenaan trend semasa dan pengamalan terbaik keselamatan siber.
- **Memacu Inovasi:** Menggalakkan pembangunan dan penerimaan keselamatan siber yang inovatif untuk menangani pelbagai ancaman yang semakin berkembang.
- **Merangsang Budaya Keselamatan Siber:** Meningkatkan kesedaran dan membentuk budaya keselamatan siber yang kukuh dalam kalangan individu dan organisasi.
- **Memantapkan Keselamatan Siber Negara:** Menambah baik kedudukan Malaysia dalam landskap keselamatan siber dan daya tahan dalam mendepani ancaman-ancaman siber.

Perancangan Masa Hadapan

Meluaskan Capaian: Penganjuran CyberDSA peringkat ASEAN pada Oktober 2025 untuk mempromosikan jalinan serantau dan perkongsian pengetahuan dalam keselamatan siber.

Pencapaian 2024:

7,546 pengunjung

dari

43 negara

menghadiri CyberDSA 2024, yang menyerlahkan pengaruhnya di peringkat global serta kepentingannya dalam kalangan komuniti keselamatan siber

“ Cyber DSA serves as a valuable platform for us to promote cyber security among end users, and presents opportunities to build partnerships, share insights and drive progress towards a secure digital future.”

YB Gobind Singh Deo

MASYARAKAT DIGITAL 2024

04 Kesedaran SiberKASA: Merangsang Minda Keselamatan Siber



Memperkukuh Ketahanan Siber di Seluruh Malaysia

Program Kesedaran SiberKASA adalah satu inisiatif yang dibangunkan khusus oleh CyberSecurity Malaysia bagi menangani ancaman dan serangan siber yang semakin kompleks dan sofistikated dengan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan siber dan menggalakkan pengamalan terbaik oleh individu dan organisasi di seluruh Malaysia. Menerusi maklumat yang mudah diakses dan penglibatan bersama komuniti, SiberKASA memperkasakan rakyat Malaysia untuk melindungi diri mereka serta menyumbang kepada persekitaran digital yang lebih selamat.

Pengenalan SiberKASA

SiberKASA merupakan inisiatif kerajaan untuk membangun, memperkasakan, mengukuh dan melestarikan prasarana serta ekosistem keselamatan siber negara. Inisiatif ini diperkenalkan untuk mengekang ancaman serta serangan siber yang semakin kompleks dengan menjamin pembangunan penyelesaian keselamatan siber yang berterusan serta menyediakan produk dan perkhidmatan CyberSecurity untuk kegunaan industri dan orang ramai di seluruh negara.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Meluaskan Capaian: Kesedaran SiberKASA telah berjaya disertakan dalam pelbagai acara utama, termasuklah CyberDSA 2024, CYSEC Brunei 2024, MDX 2024, dan Smart Nation Expo 2024, menembusi lebih banyak kelompok sasaran merentasi pelbagai platform.

Kepentingan Inisiatif

Program Kesedaran SiberKASA:

- **Memperkenalkan Program, Produk, dan Perkhidmatan Keselamatan Siber:** Menyampaikan maklumat dan sumber rujukan yang bernilai untuk individu dan organisasi, memastikan mereka memahami fungsi dan manfaat pelbagai peralatan keselamatan siber.
- **Menggalakkan Pengamalan Terbaik:** Mendidik orang ramai dan industri berkenaan dengan pengamalan keselamatan siber terbaik, sekali gus memperkasakan mereka untuk melindungi diri dan data mereka dengan lebih proaktif.
- **Meningkatkan Kepercayaan Digital:** Membina keyakinan terhadap kemampuan keselamatan siber serta memupuk budaya kepercayaan digital dalam kalangan komuniti.
- **Memacu Peluang-Peluang Ekonomi:** Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan mencipta persekitaran digital yang lebih terjamin dan selamat untuk entiti perniagaan dan orang ramai.

Perancangan Masa Hadapan

Meluaskan Capaian: Menganjurkan lebih banyak Program Kesedaran SiberKASA dengan kerjasama rakan-rakan industri dan orang ramai untuk menembusi lebih banyak kelompok sasaran dan mengukuhkan kedudukan keselamatan siber Malaysia.

Pencapaian 2024:

7,202 Peserta

telah terlibat dalam Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2024 yang melibatkan tiga negeri iaitu Johor, Kedah dan Perak.

124 PKS

telah menjalani pemerkasaan keselamatan siber dalam Program Galakan Pemerkasaan Keselamatan Siber (PGPKS).

534 Peserta

menjalani latihan dalam Program Latihan Keselamatan Siber sepanjang tahun 2024.

107 Rakan Strategik

telah menyertai Program Rakan Kerjasama CyberSecurity Malaysia



KAD LAPORAN TAHUNAN 2024

MASYARAKAT DIGITAL 2024

05 Pelaksanaan 5G Yang Dipercepatkan: Memperkasakan Masa Depan Digital Negara



Membina Negara yang Terhubung dengan 5G

Malaysia sedang merancakkan pelaksanaan 5G di seluruh negara melalui Digital Nasional Berhad (DNB) untuk mempercepatkan transformasi digital dan memberdayakan perniagaan serta komuniti dengan sambungan generasi akan datang. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada penyediaan akses yang saksama kepada 5G, mendorong inovasi, dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

5G: Platform Inovasi dan Transformasi

5G bukan sahaja menjanjikan capaian internet yang laju tetapi juga merupakan platform untuk inovasi dengan pelbagai manfaat ekonomi dan sosial yang besar. la boleh:

- **Mendorong Pertumbuhan Ekonomi:** Mewujudkan peluang dan nilai baharu dalam ekonomi digital.
- **Menangani Perubahan Iklim:** Membolehkan penyelesaian lestari dan mengurangkan impak alam sekitar.
- **Mempromosikan Keterangkuman Sosial:** Merapatkan jurang digital dan menyediakan akses yang saksama kepada teknologi.
- **Meningkatkan Kesejahteraan:** Memperbaiki perkhidmatan kesihatan, pendidikan, dan pelbagai perkhidmatan penting yang lain.

Meraikan Transformasi Digital

Untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi 5G, peniagaan-perniagaan perlu mula meraikan transformasi digital. Ini melibatkan:

- **Peningkatan Kemahiran Tenaga Kerja:** Membekalkan pekerja dengan kemahiran yang diperlukan untuk berkembang dalam persekitaran digital.
- **Penerimagunaan Teknologi Baru:** Mengintegrasikan teknologi seperti AI, IoT, dan pengkomputeran awan ke dalam operasi perniagaan.
- **Kerjasama antara Pemain Ekosistem:** Berkerjasama dengan agensi kerajaan, penyedia teknologi, dan pemegang kepentingan lain untuk mendorong inovasi dan pertumbuhan.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Liputan 5G yang Luas:** Sehingga Oktober 2024, DNB telah melengkapkan 7,320 tapak 5G, mencapai 82.1% liputan 5G di kawasan berpenduduk. Kemajuan ini menunjukkan komitmen Malaysia untuk menyediakan akses meluas kepada sambungan berkelajuan tinggi.
- **Pelaksanaan Penggunaan Kes 5G:** 14 projek kes penggunaan 5G telah berjaya dilaksanakan di pelbagai sektor ekonomi, menunjukkan potensi transformasi teknologi 5G.
- **Pengiktirafan Global:** Rangkaian 5G Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu rangkaian telekomunikasi terbaik di dunia, telah menerima pelbagai anugerah dari badan penganalisis antarabangsa seperti Opensignal, Ookla, dan Global Telecom Awards.
- **Penglibatan Industri:** Lebih 200 pemain industri pembuatan telah mengambil bahagian dalam bengkel Connected Industries Day pada 25 April 2024, menunjukkan minat yang mendalam untuk memanfaatkan 5G untuk aplikasi industri.
- **Jangkauan Pengguna:** Acara DNB X Shopee telah menerima lebih 8,000 tontonan secara langsung, meningkatkan kesedaran mengenai manfaat dan aplikasi 5G dalam kalangan orang ramai.

Kepentingan Inisiatif

Pelaksanaan 5G yang dipercepatkan bakal:

- **Mempromosikan Penggunaan Sumber yang Cekap dan Penjimatan Kos:** Pendekatan DNB memastikan akses 5G yang saksama di kawasan bandar dan luar bandar dan dalam masa yang sama mengoptimumkan pelaburan infrastruktur.
- **Meningkatkan Produktiviti dan Kecekapan Perniagaan:** Memperkasakan perniagaan untuk memanfaatkan 5G bagi mempertingkatkan operasi, memacu inovasi, dan menambah baik daya saing.
- **Menonjolkan Kepimpinan Digital Malaysia:** Melonjakkan nama Malaysia sebagai pemain utama penerimaan dan inovasi 5G, terutamanya menjelang kepengerusian ASEAN tahun 2025.


Perancangan Masa Hadapan

- **Menyelesaikan Pelaksanaan 5G:** DNB akan melengkapkan sasaran 7,509 tapak 5G seperti yang diluluskan dalam pelan perniagaannya, memastikan liputan komprehensif di seluruh negara.
- **Meningkatkan Kesedaran:** Meningkatkan kesedaran media mengenai kes penggunaan 5G yang berjaya, seperti yang dilaksanakan oleh Petronas, Clarion, dan eMooVit (bas berautonomi).
- **Meluaskan Capaian Pasaran:** Memperluas penerimaan 5G ke sektor PKS, memberdayakan perniagaan kecil untuk memanfaatkan teknologi ini.
- **Membangunkan Produk 5G:** Mewujudkan pelbagai produk 5G, seperti rangkaian peribadi dan pemotongan rangkaian, untuk memenuhi pelbagai keperluan perusahaan.
- **Jalinan Kerjasama:** Menganjurkan jerayawara industri dengan kerjasama Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) untuk mempromosikan penerimaan 5G dan mengetengahkan manfaat-manfaatnya.

Pencapaian 2024:

7,320
Tapak 5G telah Disiapkan
oleh DNB setakat Oktober 2024.

82%
liputan
di kawasan berpenduduk dan mengukuhkan komitmen Malaysia terhadap kesalinghubungan berkelajuan tinggi



MASYARAKAT DIGITAL 2024

06 Akta Perlindungan Data Peribadi 2024: Mengukuhkan Perlindungan Data di Malaysia



Menjamin Privasi Data dalam Zaman Digital

Akta Perlindungan Data Peribadi [Akta 709] Pindaan 2024 mengukuhkan komitmen Malaysia untuk melindungi data peribadi dalam dunia yang semakin dikuasai digital. Dengan memperluas serta memperkukuhkan peruntukan sedia ada, pindaan ini memastikan peruntukan Akta 709 adalah setaraf dengan undang-undang dan amalan antarabangsa.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Perkenan Diraja dan Perwataan: Akta 709 telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Oktober 2024 dan telah diwartakan pada 17 Oktober 2024, menandakan pencapaian besar dalam mengukuhkan perlindungan data di Malaysia.

Kepentingan Inisiatif

Pindaan Akta 709 bakal:

- Memperluas skop perlindungan data peribadi di Malaysia.
- Mengukuhkan hak-hak data peribadi setiap individu.
- Mempertingkatkan kebertanggungjawaban dan sifat tanggungjawab dalam kalangan organisasi yang mengendalikan data peribadi.
- Memupuk keyakinan dan rasa percaya terhadap ekonomi digital Malaysia.

Perancangan Masa Hadapan

Pelaksanaan Akta 709 akan dijalankan secara berfasa:

- **Fasa 1 (April 2025):** Melibatkan pindaan terhadap peruntukan sedia ada, peruntukan-peruntukan baharu, tujuh peraturan, satu standard dan satu garis panduan.
- **Fasa 2 (Januari 2026):** Melibatkan satu peraturan, dua pekeliling, dan enam garis panduan.

Kepentingan Inisiatif: Mempertingkatkan kebertanggungjawaban dan sifat tanggungjawab dalam kalangan organisasi yang mengendalikan data peribadi.

Menyelami PDPA

Usaha-usaha untuk mengemas kini Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia telah bermula pada tahun 2020 dengan sebuah kajian menyeluruh serta 22 cadangan pindaan. Walaupun terdapat sedikit kelewatan akibat pandemik COVID-19 dan perubahan landskap politik, rang undang-undang pindaan akhirnya berjaya dibentangkan di Parlimen.

Susulan perbahasan yang hangat, rang undang-undang ini telah berjaya diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 16 Julai 2024 dan Dewan Negara pada 31 Julai 2024. Akta yang dipinda ini memperkenalkan perubahan-perubahan penting dalam usaha mengukuhkan lagi perlindungan data di Malaysia, termasuk:

- **Pegawai Perlindungan Data (DPO):** Semua syarikat yang mengendalikan data peribadi mesti melantik seorang DPO untuk memantau perlindungan data.
- **Kewajipan Langsung ke atas Pemproses Data:** Syarikat-syarikat pemproses data kini mempunya tanggungjawab langsung di bawah PDPA, merangkumi kewajipan keselamatan.
- **Pemberitahuan Pelanggaran Data Mandatori:** Syarikat-syarikat mesti melaporkan pelanggaran data kepada pihak berkuasa dan individu-individu yang terkesan daripada insiden tersebut.
- **Hak Pemindahan Data:** Para pengguna kini boleh mengarahkan syarikat-syarikat untuk terus memindahkan data kepada syarikat lain.
- **Peluasan Definisi Data Peribadi Sensitif:** Definisi terkini merangkumi data biometrik.
- **Peraturan Pemindahan Data Rentas Sempadan yang Disemak Semula:** Peraturan yang lebih jelas untuk memindahkan data ke luar Malaysia.
- **Denda yang Lebih Tinggi:** Denda yang lebih tinggi bagi syarikat yang tidak mematuhi peraturan.

Kemas kini ini mencerminkan komitmen Malaysia terhadap perlindungan data peribadi yang semakin berkembang, sejajar dengan pengamalan terbaik di peringkat antarabangsa dan menangani peningkatan pelanggaran data serta penipuan dalam talian.

Pencapaian 2024:

1

Pindaan Akta

Akta Perlindungan Data Peribadi [Akta 709] Pindaan 2024



MASYARAKAT DIGITAL 2024

07 MyDigitalMaker: Memupuk Bakat-Bakat Digital Penggerak Masa Depan



Memperkasakan Generasi Inovator Digital Akan Datang

Dilancarkan pada Ogos 2016, gerakan MyDigitalMaker adalah inisiatif kebangsaan yang dipacu oleh kerjasama awam-swasta- akademia, bertujuan memperkasakan golongan belia Malaysia dengan kemahiran dan pengetahuan digital yang diperlukan untuk berkembang maju pada abad ke-21. MyDigitalMaker tidak hanya tertumpu kepada penggunaan teknologi tetapi juga menggalakkan golongan muda untuk menjadi pencipta, inovator, dan pengeluar dalam ekonomi digital. Hal ini merangkumi pembangunan kemahiran dalam pengaturcaraan, pembangunan aplikasi, reka bentuk 3D, robotik, sains data, dan banyak lagi, yang akhirnya mengukuhkan kemahiran penyelesaian masalah dan kreativiti generasi akan datang.

Inisiatif MyDigitalMaker

Menerusi gerakan MyDigitalMaker, beberapa inisiatif dengan kerjasama agensi-agensi dan rakan industri untuk memberi inspirasi kepada para pelajar, ibu bapa, dan guru mengenai potensi teknologi digital. Program-program ini merangkumi:

- **Digital Ninja:** Sebuah program bimbingan dan kepimpinan teknologi digital bagi bakat-bakat muda berusia 11-16 tahun.
- **Cikgu Juara Digital:** Program untuk meningkatkan kemahiran guru-guru berpotensi tinggi yang menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka, memberi inspirasi kepada para pendidik lain di seluruh negara.
- **Program Digital Innovator:** Haluan pembelajaran baharu yang memfokuskan kepada teknologi digital untuk membangunkan para inovator digital muda yang berpotensi tinggi.
- **MyDigitalMaker Fair:** Penganjuran acara yang menampilkan pameran, bengkel, pertandingan, dan perkongsian oleh pakar-pakar industri buat para pelajar, guru, dan keluarga.
- **Kempen Hour of Code:** Kempen kesedaran yang mempromosikan kepentingan pengkodan dan sains komputer.
- **Digital Maker Hubs:** Ruang komuniti yang mengumpulkan para pelajar, pendidik, ibu bapa, dan pakar industri untuk menggalakkan aktiviti pembuatan digital.
- **Program Digital Counsellor:** Melatih kaunselor-kaunselor sekolah untuk memberikan bimbingan kaunseling kerjaya dalam bidang teknologi buat para pelajar.
- **Champion Schools:** Sekolah-sekolah awam bermotivasi tinggi yang bertindak sebagai pusat sokongan untuk sekolah-sekolah sekitar dalam memupuk kreativiti digital dan inovasi.
- **Creativity @ Schools:** Memupuk dan memberi inspirasi kreativiti dalam kalangan anak muda Malaysia berumur 7-17 tahun, memfokuskan kepada animasi dan pembangunan permainan.
- **MetaSkool:** Inisiatif yang mengintegrasikan pengajaran konvensional dengan pembelajaran reka bentuk dan teknologi campuran (termasuk metaverse) untuk menggalakkan pembelajaran kendiri dan meningkatkan pengalaman bilik darjah.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Penyertaan Pelajar:** 18,825 pelajar telah menyertai aktiviti kesedaran teknologi digital, menghampiri sasaran untuk mencapai 60,000 pelajar dan membangkitkan minat mereka terhadap inovasi digital.
- **Latihan Untuk Guru:** 10,000 guru pakar telah dilatih untuk mengintegrasikan pembuatan digital secara berkesan ke dalam bilik darjah mereka.
- **Impak Pelajar:** Lebih 2.5 juta pelajar telah menerima manfaat hasil gerakan MyDigitalMaker, mendapat akses kepada pendidikan berasaskan teknologi dan membangunkan kemahiran digital yang penting.
- **Pembangunan Infrastruktur:** 70 Digital Maker Hubs telah ditubuhkan di seluruh negara, menyediakan ruang khas untuk pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembuatan digital.
- **Penerokaan Bakat:** 356 #CikguJuaraDigital (Champion Digital Teachers) dan 607 Digital Ninjas (bakat teknologi muda) telah dikenal pasti dan dibangunkan menerusi program ini.
- **Penglibatan Komuniti:** MyDigitalMaker Fair telah mencatatkan purata 15,000 orang pengunjung setiap tahun, mempamerkan kreativiti dan inovasi pembuat digital muda serta memupuk penglibatan komuniti.

Kepentingan Inisiatif

Gerakan MyDigitalMaker akan:

- Memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai “Hab Bakat Digital” dengan mempersiapkan golongan muda dengan kemahiran digital yang penting.
- Memupuk kreativiti, penyelesaian masalah, dan kebolehan berfikir secara kritikal menerusi pembelajaran praktikal dengan teknologi digital.
- Mempersiapkan pelajar untuk memenuhi keperluan tenaga kerja masa depan dan memperkasakan mereka untuk menjadi penyumbang aktif kepada ekonomi digital.
- Menjana kesan pengganda untuk ekonomi negara dengan memupuk bakat-bakat digital yang berkemahiran.

Perancangan Masa Hadapan

Untuk lebih memberdayakan bakat masa depan dalam kalangan pelajar sekolah, MyDigitalMaker akan memberi fokus kepada:

- **Memupuk Bakat Berpotensi Tinggi di Sekolah:** Mengenal pasti dan menyokong pelajar yang mempunyai minat dalam inovasi digital.
- **Meningkatkan Kompetensi Digital Pelajar:** Memberikan peluang kepada pelajar untuk membangunkan kemahiran digital yang penting menerusi bengkel, pertandingan, dan pelbagai aktiviti menarik yang lain.
- **Memperkaya Pembelajaran Digital melalui Metaverse:** Memanfaatkan teknologi imersif untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang inovatif dan menarik bagi para pelajar.

Pencapaian 2024:



18,825

pelajar telah menyertai aktiviti kesedaran teknologi digital, menyumbang kepada matlamat untuk mencapai 60,000 pelajar dan membangkitkan minat mereka terhadap inovasi digital



2.5 juta

pelajar telah menerima manfaat daripada gerakan MyDigitalMaker, dengan akses kepada pendidikan berasaskan teknologi dan pembangunan kemahiran digital yang penting

MASYARAKAT DIGITAL 2024

08 Festival Kandungan Digital Malaysia: Pencetus Kreativiti, Memperkasakan Masa Hadapan Digital



Mencetus Kreativiti: Memperkasakan Masa Hadapan Digital

Festival Kandungan Digital Malaysia (MYDCF) merupakan sebuah acara tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia untuk mempamerkan kandungan-kandungan digital tempatan dan serantau yang terbaik. Berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, MYDCF menghimpunkan para pemain utama industri animasi, permainan konvensional dan digital, teknologi kreatif, komik, dan e-sukan.

Penganjuran festival selama beberapa hari ini melibatkan Public Day (13-15 September 2024) yang menawarkan pelbagai pengalaman menarik buat para penghujung dan Biz Day (1-3 October 2024) yang menumpukan kepada pembinaan jaringan dan pembangunan perniagaan.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Kejayaan Penganjuran:** Penganjuran berjaya kedua-dua acara Public Day dan Biz Day.
- **Sorotan Public Day**
  - Lebih 26,000 pengunjung
  - 238 pempamer
  - Nilai PR mencecah RM 2.2 juta
  - 94 liputan media
- **Sorotan Biz Day:**
  - 112 penceramah (52 penceramah antarabangsa, 60 penceramah tempatan)
  - 26 pembeli kandungan animasi
  - 2,470 peserta
  - 35 pempamer
  - 636 mesyuarat perniagaan

Perancangan Masa Hadapan

Penganjuran Festival Kandungan Digital bersempena dengan kepengerusian ASEAN menjelang tahun 2025 di Johor.

Mencipta pelbagai peluang buat para pencipta harta intelek, penginovasi teknologi, para pelabur, dan pemegang taruh untuk memacu pertumbuhan dan inovasi industri kreatif Malaysia.

Kepentingan Inisiatif

- **Menggalakkan Pertumbuhan dan Inovasi:** Festival ini menyediakan platform buat para pencipta harta intelek, penginovasi teknologi, para pelabur, dan pemegang taruh untuk memacu pertumbuhan dan inovasi industri kreatif Malaysia.
- **Menonjolkan Kandungan Digital:** Memperkenalkan produk dan inovasi terkini dalam industri kandungan digital, seterusnya memperkasakan bakat-bakat tempatan dan menggalakkan penglibatan komuniti dalam dunia digital.
- **Menyokong Industri Kreatif:** Festival ini menyokong pertumbuhan dan pembangunan industri kreatif Malaysia, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan.
  - Pencapaian Industri:
    - Lebih 300 studio kandungan digital di Malaysia.
    - Lebih 180 harta intelek (IPs) permainan dan animasi yang asli.
    - Jumlah pendapatan tahun 2022 mencecah RM6.3 bilion, dengan nilai eksport mencecah RM850 juta.
    - Jumlah tarikan pelaburan bernilai RM1.6 bilion pada tahun 2023.
    - Kucingko Berhad menjadi syarikat produksi animasi tempatan pertama disenaraikan di Bursa Saham.
- **Kerjasama Antarabangsa:** Kehadiran para penceramah dan pembeli antarabangsa membolehkan festival ini memupuk jalinan kerjasama dan perkongsian pengetahuan pada skala global.
- **Sokongan dan Inisiatif Kerajaan:** Festival ini mencerminkan sokongan pihak Kerajaan yang beterusan menerusi inisiatif-inisiatif seperti Rangka Tindakan Kreatif Digital yang mensasarkan Malaysia untuk bergelar Hab Penerbit Kreatif Digital Serantau menjelang tahun 2030.
- **Jalinan Kerjasama dengan GSC:** Sebuah jalinan kerjasama antara MDEC dan Golden Screen Cinemas (GSC) yang mempamerkan filem dan animasi pendek tempatan.
- **Pertumbuhan Pasaran Kreatif Digital:** Festival ini memanfaatkan permintaan perkhidmatan dan produk kreatif digital yang semakin meningkat, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Pasaran teknologi kreatif global ini dijangka bakal lebih meluas dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) yang tinggi.
- **Inisiatif IP360 Metaverse:** Festival ini merupakan sebuah platform untuk melancarkan inisiatif-inisiatif seperti IP360 Metaverse, bertujuan untuk melonjakkan kedudukan Malaysia dalam bidang penciptaan kandyngan dan teknologi kreatif.
- **Kerjasama bersama ASWARA:** Kerjasama bersama ASWARA untuk mendigitalkan gerakan tarian tradisional untuk platform IP360 Metaverse Platform menggariskan potensi metamesta untuk memelihara dan mempromosikan warisan budaya.
- **Pembangunan Metamesta:** Festival ini menggalakkan perbincangan dan kesedaran mengenai potensi impak ekonomi metamesta dan kepentingan infrastruktur, piawaian industri, dan kawal selia pembangunannya.
- **Kepengerusian ASEAN:** Sempena kepengerusian ASEAN tidak lama lagi, festival ini selari dengan fokus negara untuk bekerjasama dengan rakan-rakan ASEAN untuk meneroka fasa pertumbuhan digital dan mengukuhkan lagi ekosistem kandungan digital serantau.
- **Kerjasama Awam-Swasta:** Festival ini menggariskan kepentingan jalinan kerjasama yang berterusan antara sektor awam dan swasta untuk memacu inovasi dan pertumbuhan industri kreatif digital Malaysia.

Pencapaian 2024:

26,000 pengunjung

terlah berkunjung ke ***Sorotan Public Day***

2470 peserta

terlah berkunjung ke ***Sorotan Biz Day***

09 42Malaysia: Kolaborasi Kunci Pembangunan Bakat Digital Malaysia



Mengenai 42Malaysia

42Malaysia merupakan sebuah institusi pengkodan percuma dan inovatif yang bertujuan untuk membangunkan bakat digital Malaysia dengan menyediakan persekitaran pembelajaran rakan sebaya yang unik. Inisiatif ini memfokuskan pembelajaran berasaskan projek dan menekankan kemahiran-kemahiran penting dalam menguasai ekonomi digital, seperti kemahiran berfikir secara kritis, penyelesaian masalah dan jalinan kerjasama.

Ciri Utama 42Malaysia

- Pembelajaran Rakan Sebaya: 42Malaysia mengguna pakai metodologi pembelajaran rakan sebaya, di mana para pelajar saling berkongsi ilmu pengetahuan menerusi jalinan kerjasama dan cabaran-cabaran berasaskan projek.
- Pendidikan Percuma: Program ini adalah percuma, membolehkan sesiapa sahaja yang mempunyai cita-cita untuk menjadi bakat digital untuk menyertai inisiatif ini tanpa mengira latar belakang kewangan mereka.
- Fokus Terhadap Kemahiran Yang Mendapat Permintaan Tinggi: Silibus kurikulum menggariskan kemahiran-kemahiran yang mendapat permintaan tinggi dalam industri digital, termasuklah pengkodan, keselamatan siber, dan AI.
- Jalinan Kerjasama Industri: 42Malaysia bekerjasama dengan rakan-rakan industri untuk membekalkan para pelajar dengan pengalaman dunia sebenar dan peluang-peluang bimbingan.

Manfaat 42Malaysia:

- Membangunkan Bakat Digital: 42Malaysia menghasilkan para pengamal digital profesional berkemahiran tinggi yang boleh memenuhi tuntuan ekonomi digital yang sentiasa berkembang pesat.
- Menggalakkan Keterangkuman: Model pembelajaran percuma ini membolehkan pendidikan teknologi berkualiti sebegini boleh diakses oleh semua tanpa mengira latar belakang mereka.
- Memupuk Inovasi: Persekitaran pembelajaran rakan sebaya ini menggalakkan kreativiti, penyelesaian masalah dan keghairahan pembelajaran sepanjang hayat.
- Memperkasa Ekosistem Digital: 42Malaysia menyumbang kepada pertumbuhan ekosistem digital di Malaysia dengan membekalkan bakat-bakat berkemahiran.

Kepentingan Inisiatif

42Malaysia adalah penting bagi:

- Menangani jurang kemahiran dalam industri digital dan menjamin kehadiran para pengamal profesional bertauliah secara berterusan.
- Menggalakkan mobiliti sosial dan keterangkuman dengan menawarkan pendidikan percuma kepada semua.
- Memupuk budaya inovasi dan pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang digital.
- Memantapkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pemimpin ekonomi digital serantau.

Jalinan Kerjasama

- 42Malaysia telah menjalinkan kerjasama strategik dengan MyDIGITAL Corporation untuk meningkatkan lagi impak dan capaian inisiatif berkenaan.
- Jalinan kerjasama ini merangkumi program pertukaran latihan industri, penyelidikan dan pembangunan bersama, dan penglibatan dalam inisiatif Executive Digital Leadership Programme oleh MyDIGITAL.

Perancangan Masa Hadapan

- **Peluasan Inisiatif:** Meluaskan capaian program untuk melibatkan lebih ramai pelajar di seluruh negara menerusi penubuhan kampus-kampus baharu di Pulau Pinang dan Johor tahun ini, serta perancangan penubuhan kampus di Sabah dan Sarawak pada masa akan datang.
- **Pembangunan Kurikulum:** Membangunkan program-program khas berkenaan teknologi baharu seperti AI, blockchain dan keselamatan siber.
- **Jalinan Kerjasama Industri:** Memperkukuh jalinan kerjasama industri untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan latihan industri buat para graduan.
- **Pembangunan Ekosistem:** Menyumbang kepada pembangunan ekosistem bakat digital Malaysia yang inklusif dan rancak.

Petunjuk Aras Utama (KPI)

- **Penempatan Graduan:** Setakat ini, seramai 150 orang graduan telah menerima penempatan dalam industri.
- **Sasaran Output Graduan:** Setiap kampus yang beroperasi pada skala kapasiti sepenuhnya dijangka bakal melahirkan 200 orang graduan industri.
- **Menangani Kekurangan Bakat:** 42Malaysia mahu memenuhi keperluan 12,000 jawatan dalam industri keselamatan siber Malaysia serta mencipta 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital menjelang tahun 2025.
- **Pembangunan Kemahiran Secara Pantas:** Pendekatan unik 42Malaysia membolehkan sesiapa untuk membangunkan diri sebagai bakat digital yang sedia industri dalam jangka masa kurang dari 18 bulan, meskipun tanpa memiliki sebarang kelayakan sebelum menyertai inisiatif ini.
- **Peluasan Kampus:** Penubuhan kampus 42 Iskandar Puteri sebagai kampus kedua 42Malaysia, sekali gus melambangkan pencapaian besar dalam membentuk semula masa depan pendidikan teknologi.

Impak 42Malaysia

42Malaysia dijangka bakal mendatangkan impak besar terhadap landskap digital Malaysia dengan melahirkan para pengamal digital profesional yang berkemahiran tinggi dan sedia industri. Fokus program ini dalam menekankan keterangkuman dan inovasi bakal menyumbang kepada ekonomi digital yang lebih dinamik dan berdaya saing.

Pencapaian 2024:

150
orang graduan

telah menerima penempatan dalam industri

Persiapan Menuju Tahun 2025

Persiapan Menuju Tahun 2025: Perjalanan Transformasi Digital Yang Berterusan

Menjelang tahun 2025, momentum perjalanan transformasi digital negara bakal diteruskan. Pembinaan asas pada tahun-tahun sebelumnya, melalui inisiatif seperti MyDIGITAL dan pelbagai program yang digariskan dalam laporan ini, telah memposisikan negara untuk kemajuan dan pencapaian selanjutnya dalam dunia digital.

Kementerian Digital, bersama-sama dengan jabatan dan agensinya, kekal komited untuk memacu penerimaan digital dan inovasi merentasi semua lapisan masyarakat. Menjelang tahun 2025, komitmen ini akan diterjemahkan kepada usaha berterusan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam melalui teknologi, memberdayakan perniagaan untuk berkembang dalam ekonomi digital, dan memupuk masyarakat yang merangkum serta berkemahiran digital.

Kerajaan Digital: Transformasi digital perkhidmatan kerajaan akan terus dipercepatkan, menjamin pengalaman yang lancar dan mesra pengguna untuk semua. Ini bukan sahaja melibatkan penambahbaikan dalam keberkesanan dan aksesibiliti perkhidmatan kerajaan dalam talian, tetapi juga mempromosikan perkongsian data dan kesalingoperasian antara agensi. Inisiatif seperti portal MyGovernment akan terus diperkasakan, memberikan pengalaman yang lancar dan mesra pengguna untuk rakyat ketika berinteraksi dengan sektor awam. Program data terbuka dan penggunaan analitik data raya akan meningkatkan lagi ketelusan, akauntabiliti, dan pembuatan keputusan berasaskan data dalam kerajaan.



Ekonomi Digital: Ekonomi digital akan terus memacu pertumbuhan Malaysia. Pelbagai usaha untuk menyokong perniagaan, terutamanya PMKS, dalam penerimaan teknologi digital akan terus dipergiatkan. Penganjuran program seperti Program Transformasi Pendigitalan PMKS akan memainkan peranan penting dalam membekalkan perniagaan dengan pelbagai kemahiran dan alat yang diperlukan untuk mendepani cabaran dan peluang dalam era digital. Pertumbuhan industri kreatif digital juga bakal diberikan keutamaan, dengan inisiatif seperti Ekosistem Kreatif Digital (DICE) yang memupuk inovasi dan mempromosikan pengkomersialan harta intelek Malaysia di peringkat global.

Masyarakat Digital: Pelbagai usaha untuk membina masyarakat digital yang berkembang maju dan inklusif akan dilipatgandakan, memperkasakan setiap rakyat Malaysia untuk meraih peluang dalam era digital. Keutamaan juga akan diberikan untuk merapatkan jurang digital dan memastikan akses yang adil kepada teknologi dan kemahiran digital untuk semua rakyat Malaysia. Program-program seperti Portal Rakyat Digital dan AI Untuk Rakyat akan diteruskan untuk memperhebat literasi dan kesedaran digital. Usaha-usaha untuk mempromosikan keselamatan dalam talian, keselamatan siber, dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab juga akan dipergiatkan.

Beberapa aspek tumpuan bakal diberikan keutamaan pada 2025:

- **Mengukuhkan Keselamatan Siber:** Dengan kebergantungan kepada teknologi digital yang semakin meningkat, perlindungan infrastruktur kritikal dan data akan diberikan keutamaan. Inisiatif seperti Akademi Keselamatan Siber Malaysia (MCSA) dan SiberKASA akan memainkan peranan penting dalam membangunkan tenaga kerja keselamatan siber yang berkemahiran serta meningkatkan kesedaran.
- **Melindungi Privasi Data:** Pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi yang telah dikemas kini akan menjadi fokus utama, memastikan data peribadi diuruskan secara bertanggungjawab dan beretika.
- **Mendorong Penerimaan AI:** Pelan Tindakan AI Negara akan memandu pembangunan dan pelaksanaan penyelesaian AI merentasi pelbagai sektor, memupuk inovasi sambil memastikan amalan AI yang bertanggungjawab dan beretika.
- **Mengembangkan Bakat Digital:** Pembangunan generasi pembuat dan pencipta digital seterusnya melalui program seperti MyDigitalMaker akan menjadi penting untuk kejayaan Malaysia dalam ekonomi digital untuk jangka masa yang panjang.
- **Memperluas Keterangkuman Digital:** Melibatkan komuniti-komuniti rentan dan mempromosikan literasi digital untuk semua akan kekal menjadi keutamaan untuk memastikan bahawa tiada sesiapa pun yang akan tercicir daripada perjalanan transformasi digital ini. Perjalanan Malaysia ke arah masa depan yang dikuasakan digital sedang berada di landasan yang betul. Dengan pelaburan dalam aspek-aspek utama yang berterusan, jalinan kerjasama merentasi sektor dan penerimaan inovasi, Malaysia sedia untuk merealisasikan aspirasi negara berpendapatan tinggi, serta muncul sebagai pemimpin serantau dalam ekonomi digital.



Kerajaan Digital 2025

Menerajui Transformasi Digital dalam Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan.

01

Dasar Pengkomputeran Awan Negara

Menyediakan Asas Digital untuk Malaysia yang Dikuasakan oleh Teknologi Awan

02

GovTech

Mempercepat Transformasi Digital Merentas Sektor Awam dan Swasta

03

RUU Perkongsian Data

Memperkukuh Perlindungan Data di Malaysia

04

Penubuhan Suruhanjaya Data

Menubuhkan Suruhanjaya bagi Mengawal Selia Data dalam Era Digital

05

Bandar Digital

Mengiktiraf dan Mempromosi Bandar Digital Cemerlang

KERAJAAN DIGITAL 2025

01 Dasar Pengkomputeran Awan Negara (NCCP): Asas Malaysia Yang Dikuasakan Awan



Memacu Transformasi Digital Menerusi Pengkomputeran Awan

Dasar Pengkomputeran Awan Negara (NCCP) ialah sebuah inisiatif strategik yang bertujuan memacu transformasi digital dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Menerusi galakkan penggunaan teknologi pengkomputeran awan, NCCP menyasarkan penjimatan kos yang besar, penambahbaikan keselamatan data, dan memperkasakan kecekapan perkhidmatan merentasi pelbagai industri. Inisiatif ini mencerminkan komitmen pihak kerajaan untuk menyediakan rangka kerja komprehensif bagi penggunaan awan yang selamat dan efisien dalam sektor awam dan swasta.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Pembangunan Dasar:**
  - Sebuah draf Dasar Pengkomputeran Awan Negara (NCCP) telah digubal.
  - Pelbagai sesi libat urus telah dianjurkan bersama para perwakilan daripada Agensi dan Bahagian di Kementerian Digital.

Kepentingan Inisiatif

NCCP bakal:

- Memacu transformasi digital merentasi sektor-sektor awam dan swasta.
- Memangkin pertumbuhan ekonomi menerusi galakan penggunaan teknologi awan oleh syarikat-syarikat perniagaan.
- Memperkasakan keselamatan data dan privasi menerusi rangka kerja keselamatan awan yang kukuh.
- Meningkatkan kecekapan dan ketangkasan dalam perkhidmatan kerajaan dan industri.

Perancangan Masa Hadapan

- **Penglibatan Pihak Berkepentingan:** Dua sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan dan para perwakilan industri bakal dianjurkan untuk mengumpulkan maklum balas dan memperhalusi NCCP.
- **Perundingan Lanjutan:** Sebuah sesi libat urus bersama Kementerian/Agensi/ Bahagian, Penyedia Perkhidmatan Awan (CSP), Pembekal Perkhidmatan Terurus (MSP), dan ahli-ahli akademik untuk menjamin input dan jalinan kerjasama yang komprehensif.

Kepentingan Inisiatif: Memacu transformasi digital merentasi sektor-sektor awam dan swasta.

KERAJAAN DIGITAL 2025

02 GovTech Malaysia: Kerajaan Moden Untuk Negara Digital



Membina Kerajaan Berteraskan Digital dan Berfokuskan Rakyat

GovTech Malaysia adalah sebuah inisiatif strategik untuk memodenkan kerajaan Malaysia dengan memanfaatkan teknologi untuk menambah baik perkhidmatan awam dan mewujudkan pengalaman yang lebih berfokuskan rakyat, efisien, dan boleh diakses untuk semua. Pendekatan *Whole-of-Government* (WoG) memberikan keutamaan kepada kolaborasi dan inovasi antara agensi untuk mewujudkan sebuah negara yang dikuasakan secara digital, di mana semua rakyat Malahsia menikmati manfaat daripada perkhidmatan kerajaan yang lancar dan mesra pengguna.

Kepentingan Inisiatif

GovTech Malaysia bakal:

- Mewujudkan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat yang mudah dicapai dan diakses oleh semua rakyat Malaysia.
- Memupuk pendekatan *Whole-of-Government* (WoG) dalam transformasi kerajaan digital, menjamin kerjasama dan kecekapan antara agensi-agensi kerajaan.
- Membangunkan sistem kerajaan yang efisien, telus dan mesra pengguna untuk mengukuhkan lagi kepercayaan dan perhubungan dengan rakyat.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Memperkasa Tadbir Urus dan Reka Bentuk Perkhidmatan:

- **Perolehan ICT yang Dipertingkatkan**: Menjamin kecekapan dan ketelusan perolehan teknologi.
- **Melancarkan Strategi *Digital First*:** Membimbing transformasi digital merentasi agensi-agensi kerajaan.
- **Reka Bentuk Perkhidmatan yang Bertambah Baik:** Mengutamakan keutamaan pengguna demi perkhidmatan digital yang lebih baik.

Perancangan Masa Hadapan

GovTech Malaysia komited untuk menambah baik dan berinovasi secara berterusan. Perancangan jangka panjang bakal merangkumi:

- **Pembangunan Ekosistem Digital Bersepadu:** Menyelaraskan perkhidmatan kerajaan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan.
- **Meraikan Teknologi Baharu:** Mengkaji dan menggunakan teknologi baharu untuk menambah baik kecekapan dan kepantasan respons.
- **Menambah Baik Pengalaman Pengguna:** Mewujudkan Government Experience Lab untuk menguji dan mengoptimumkan perkhidmatan digital berdasarkan maklum balas pengguna.
- **Memperluas Piawaian Reka Bentuk Perkhidmatan:** Menjamin kualiti dan keutamaan ke atas pengguna merentasi semua perkhidmatan digital kerajaan.

Tempoh Sasaran Pelaksanaan

- **Suku Tahun Pertama:** Dasar, garis panduan dan Kajian Ekosistem Digital Bersepadu.
- **Suku Tahun Kedua:** Pelaksanaan GovTech.
- **Suku Tahun Kedua dan Ketiga:** Kajian dan penggunaan teknologi baharu.
- **Suku Tahun Keempat:** Inisiatif-inisiatif GovTech lebih diperluas.

Kepentingan Inisiatif: Mewujudkan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat yang mudah dicapai dan diakses oleh semua rakyat Malaysia.

KERAJAAN DIGITAL 2025

03 RUU Perkongsian Data: Mendayakan Ekosistem Data Yang Terjamin Dan Efisien



Memudahkan Perkongsian Data untuk Mempertingkatkan Perkhidmatan Awam

Rang Undang-Undang Perkongsian Data adalah sebuah inisiatif legislatif yang menyasarkan mewujudkan rangka kerja perkongsian data yang kukuh dan terjamin dalam kalangan agensi sektor awam dan badan berkanun persekutuan Malaysia. Rang undang-undang ini akan menyediakan garis panduan yang jelas dan sokongan undang-undang untuk amalan perkongsian data, mempromosikan kecekapan, inovasi dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Pengisytiharan/Pelaksanaan: Akta Perkongsian Data sedang dalam proses pewartaan dan penguatkuasaan, menandakan langkah penting ke arah mewujudkan ekosistem perkongsian data yang komprehensif di Malaysia.

Kepentingan Inisiatif

Rang Undang-Undang Perkongsian Data ini bakal:

- **Memberikan Kejelasan Undang-Undang:** Menyediakan peruntukan undang-undang yang jelas untuk perkongsian data antara agensi kerajaan, seterusnya memastikan pematuhan dan akauntabiliti.
- **Memudahkan Pembuatan Keputusan Berasaskan Data:** Membolehkan pembuatan keputusan yang lebih termaklum dan berasaskan bukti melalui perkongsian data yang selamat dan efisien.
- **Meningkatkan Perkhidmatan Awam:** Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dengan memudahkan perkongsian data antara agensi.
- **Mempromosikan Inovasi:** Menggalakkan pembangunan penyelesaian dan perkhidmatan digital yang inovatif melalui perkongsian data secara kolaboratif.
- **Mengukuhkan Keselamatan Data:** Menetapkan langkah-langkah perlindungan dan protokol untuk memastikan perkongsian data yang selamat dan bertanggungjawab.

Perancangan Masa Hadapan

Pewartaan dan Pelaksanaan: Akta Perkongsian Data bakal diwartakan dan dilaksanakan, menyediakan rangka kerja perundangan yang jelas untuk pengamalan perkongsian data dalam sektor awam.

Sasaran Tempoh Pelaksanaan

Suku Tahun Keempat 2025 (Disember)

KERAJAAN DIGITAL 2025

04 Penubuhan Suruhanjaya Bagi Perlindungan Data



Memperkasakan Tadbir Urus Perlindungan Data di Malaysia

Bagi mempertingkatkan lagi perlindungan data di Malaysia, sebuah Suruhanjaya telah ditubuhkan. Badan bebas ini bakal menyelia dan melaksanakan undang-undang perlindungan data, menjamin kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengendalian data peribadi. Penubuhan Suruhanjaya ini sejajar dengan pengalaman terbaik organisasi-organisasi antarabangsa seperti ISACA dan World Economic Forum, begitu juga dengan badan-badan kawal selia di United Kingdom, Jepun dan Singapura.

Kepentingan Inisiatif

Suruhanjaya ini bakal:

- Menyediakan pengawasan bebas terhadap perlindungan data di Malaysia.
- Mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang perlindungan data.
- Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap amalan pengendalian data.
- Mempromosikan inovasi yang bertanggungjawab dan pertumbuhan ekonomi dalam era digital.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Fasa 1: Mengukuhkan Institusi Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi:** Fasa ini menumpukan kepada pengukuhan sumber dan kepakaran dalam institusi Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi yang sedia ada.
- **Fasa 2: Menubuhkan Badan Berkanun Persekutuan:** Fasa ini melibatkan penglibatan pihak berkepentingan, penyediaan rang undang-undang, dan pindaan undang-undang sedia ada untuk menubuhkan Suruhanjaya baharu.

Perancangan Masa Hadapan

- **Fasa 1 (2025):**
  - Pemansuhan institusi Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) sedia ada.
  - Pemindahan struktur pentadbiran (perjawatan serta perbelanjaan operasi tahunan) ke institusi Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi.
- **Fasa 2 (2026):**
  - Aktiviti libat urus bersama pemegang taruh (kementerian, agensi, industri, dll.).
  - Penggubalan Akta untuk penubuhan Suruhanjaya.
  - Pindaan Akta 709 untuk mengelakkan pertindihan fungsi dengan Suruhanjaya baharu.

Kepentingan Inisiatif: Menyediakan pengawasan bebas terhadap perlindungan data di Malaysia.



KERAJAAN DIGITAL 2025

05 Bandar Digital: Mengiktiraf dan Mempromosikan Kecemerlangan Digital



Kepentingan inisiatif: Mendorong inovasi: Menggalakkan bandar-bandar untuk menjadi contoh dalam menangani cabaran setempat dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk menerusi solusi digital

Menginspirasikan Bandar-Bandar Untuk Meraikan Transformasi Digital

Inisiatif Bandar Digital yang dipelopori oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bertujuan untuk mengiktiraf dan mempromosikan bandar-bandar Malaysia yang mengamalkan pelaksanaan digital yang berimpak dan luar biasa. Inisiatif ini dilaksanakan rentetan keperluan mendesak untuk mewujudkan persekitaran bandar yang mampan, berdaya tahan, dan boleh dihuni. Ini memerlukan kepada anjakan revolusi perekaan dan pengurusan bandar.

Visi Bandar Digital Malaysia

Malaysia mempunyai sebuah visi untuk memperkasakan bandar-bandarnya menjadi pelopor inovasi digital, sekali gus menjadi contoh di rantau ASEAN. Inisiatif Bandar Digital yang bakal dilancarkan pada awal 2025 akan menumpukan kepada enam buah bandar, seterusnya mencetuskan gelombang transformasi digital di seluruh negara.

Smart City Expo KL 2025: Memplatformkan Perkembangan Bandar Pintar

Penganjuran Smart City Expo KL 2025 bakal memainkan peranan penting dalam memacu visi bandar digital Malaysia. Acara bertaraf antarabangsa ini bakal:

- **Mempamerkan Inisiatif Bandar Digital:** Menonjolkan perkhidmatan digital yang inovatif dan pelaksanaan yang terbukti berkesan.
- **Menggalakkan Kolaborasi Serantau:** Menarik para pemimpin dan pentadbir bandar sekitar ASEAN untuk memupuk jalinan kerjasama dan perkongsian pengetahuan.
- **Menarik Pelaburan:** Memacu pelaburan tempatan dan asing dalam teknologi bandar pintar.
- **Mempromosikan Kepimpinan Malaysia:** Mempersiapkan Malaysia sebagai pemimpin inovasi teknologi dan pembangunan bandar pintar di pentas global.

Smart City Expo KL 2025 yang dijadualkan bakal berlangsung daripada 17 hingga 19 September 2025, dijangka bakal menarik lebih 2,000 peserta dan 10,000 pengunjung, dengan penyertaan antarabangsa sekurang-kurangnya sebanyak 20 peratus. Acara ini melambangkan peluang keemasan buat Malaysia untuk memperkukuh posisinya sebagai pemimpin pembangunan bandar pintar serantau.

Fokus Perkhidmatan Digital dan Data

Inisiatif Bandar Digital MDEC bakal memfokuskan kepada:

- **Penerimaan dan Pemerkasaan Perkhidmatan Digital:** Memanfaatkan teknologi untuk menambah baik perkhidmatan awam dan pengalaman orang ramai.
- **Keputusan Berasaskan Data:** Memanfaatkan data untuk mengoptimumkan perkhidmatan awam dan perancangan bandar.

Kolaborasi dan Jalinan Kerjasama

MDEC bekerjasama rapat dengan Kementerian Digital dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan inisiatif Bandar Digital. Pendekatan kolaboratif sebegini menjamin penyelarasan dengan keutamaan negara, serta dengan keutamaan nasional dan memudahkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik.

Manfaat Bandar Digital

Bandar Digital mendatangkan pelbagai manfaat, antaranya:

- **Memacu Ekonomi:** Menarik pelaburan, mencipta peluang pekerjaan dan memupuk inovasi.
- **Kualiti Hidup Bertambah Baik:** Menambah baik perkhidmatan awam, mempromosikan kelestarian dan mencipta persekitaran yang lebih baik untuk rakyat.

Kepentingan Inisiatif

Inisiatif Bandar Digital bakal:

- **Menambah Baik Pengalaman Rakyat:** Menggalakkan penggunaan teknologi digital untuk meningkatkan perkhidmatan awam, memperbaiki aksesibiliti, serta mewujudkan persekitaran kehidupan yang lebih memudahkan dan cekap.
- **Mendorong Inovasi:** Menggalakkan bandar-bandar untuk menjadi contoh dalam menangani cabaran setempat dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk menerusi solusi digital.
- **Mempromosikan Amalan Terbaik:** Menonjolkan inisiatif digital yang berjaya dan menggalakkan perkongsian pengetahuan antara bandar-bandar.
- **Menyemai Budaya Transformasi Digital:** Mewujudkan persekitaran yang kompetitif di mana bandar-bandar berusaha untuk muncul sebagai pemimpin dalam inovasi digital.

Perancangan Masa Hadapan

Pengiktirafan Bandar Digital: Mewujudkan program pengiktirafan untuk meraikan dan menghargai bandar-bandar yang mengamalkan pelaksanaan digital dengan unik dan bermakna. Ini bakal mendorong bandar-bandar untuk mengutamakan transformasi digital dan menonjolkan pencapaian.

Sasaran Tempoh Pelaksanaan

Suku Tahun Keempat 2025

Kepentingan inisiatif: Mewujudkan persekitaran yang kompetitif di mana bandar-bandar berusaha untuk muncul sebagai pemimpin dalam inovasi digital.



Ekonomi Digital 2025

Transformasi perniagaan yang menyeluruh merentasi setiap sektor ekonomi melalui adaptasi teknologi digital.

01

Digital Creative Ecosystem (DICE)
Membudayakan Industri Kreatif yang Rancak

02

National MSME Digitalisation 2030
Pelan Hala Tuju Pendigitalan PMKS 2030

03

Domain .com.my SSM
Mempromosi .com.my untuk Syarikat-Syarikat Malaysia

04

Kluster Digital
Memacu Transformasi Digital Mampan

EKONOMI DIGITAL 2025

1.0 Ekosistem Kreatif Digital (DICE): Membina Industri Kreatif yang Dinamik



Memupuk Inovasi dan Capaian Antarabangsa

Inisiatif Ekosistem Kreatif Digital (DICE) direka untuk memperkasakan industri kandungan digital dengan memupuk bakat, memperkukuh rantaian nilai, dan mempromosikan pengkomersialan harta intelek (IP) pada skala global. DICE bertujuan membina sebuah ekosistem yang berkembang maju, mendayakan idea-idea kreatif, mengembangkan perniagaan, dan membolehkan kandungan digital Malaysia mekar di pentas dunia.

Industri Kreatif Digital Malaysia

Malaysia memiliki industri kreatif digital yang dinamik, dengan lebih daripada 300 studio menghasilkan animasi, permainan, dan pelbagai bentuk teknologi kreatif. Pada tahun 2022, sektor ini menjana pulangan eksport bernilai RM1 bilion merentasi 120 pasaran, membuktikan kepentingan sumbangannya kepada ekonomi Malaysia. Pihak kerajaan komited untuk terus membangunkan industri ini, dengan menyasarkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8 peratus dan penubuhan 200 IP baru menjelang 2025.

Kepentingan inisiatif: Memperkukuh modal insan dalam industri kreatif digital melalui program latihan dan pembangunan.

Inisiatif-Inisiatif DICE

Bagi merealisasikan matlamat yang bercita-cita tinggi ini, DICE memfokuskan kepada beberapa aspek utama:

- **Mengukuhkan Modal Insan:** Membangunkan tenaga kerja yang mahir melalui program latihan dan pembangunan.
- **Memperkukuh Rantaian Nilai Industri:** Menggalakkan kerjasama dan inovasi merentasi ekosistem kandungan digital.
- **Meningkatkan Pengkomersiakan Harta Intelek (IP):** Menyokong pembangunan dan pengkomersialan IP Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa.
- **Memacu Pertumbuhan Global:** Melonjakkan daya saing industri kandungan digital Malaysia di peringkat global.

Program-Program Utama

DICE telah meluncurkan dua program insentim untuk memangkin industri kandungan digital:

- **Brand Metaverse Onboarding Programme:** Memperkasakan jenama-jenama dan para pencipta kandungan untuk menggunakan platform-platform metamesta.
- **Immersive IP Experiences Programme:** Menyokong penciptaan pengalaman dipelbagai platform metaverse. Program-program ini direka untuk merancakkan lagi pertumbuhan industri kreatif digital dan memposisikan Malaysia sebagai pemimpin penciptaan kandungan digital bertaraf dunia.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- **Penglibatan Industri:** Pada tahun 2019, Kementerian Digital dan MDEC telah berhubung dengan lebih 100 peserta dari 80 studio untuk mengumpul maklum balas dan membentuk dasar DICE. Pendekatan kolaboratif ini memastikan bahawa dasar tersebut selaras dengan keperluan dan aspirasi industri.

Kepentingan Inisiatif

Inisiatif DICE bakal:

- Memperkasakan modal insan dalam industri kreatif digital menerusi program-program latihan dan pembangunan.
- Meningkatkan rantaian nilai industri dengan memupuk jalinan kerjasama dan inovasi.
- Mempromosikan pengkomersialan harta intelek (IP) Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- Melonjakkan industri kandungan digital Malaysia ke peringkat antarabangsa, menonjolkan kreativiti dan inovasi industri.

Kepentingan inisiatif: Melonjakkan industri kandungan digital Malaysia ke peringkat antarabangsa, menonjolkan kreativiti dan inovasi industri.

Perancangan masa hadapan



RM200 juta

dalam peluang eksport—DICE berhasrat untuk mencapai pencapaian ini menjelang suku tahun keempat 2025



20 harta intelek baharu

(IPs) dijangka akan dihasilkan oleh DICE menjelang suku tahun keempat 2025, mendorong inovasi kreatif ke hadapan



15,000 individu

DICE berhasrat untuk mencapai dan melibatkan bilangan ini melalui program dan inisiatifnya menjelang suku tahun keempat 2025

EKONOMI DIGITAL 2025

02 National MSME Digitalisation 2030: Peta Halatuju Transformasi Digital



Mendorong Penggunaan Digital untuk Meningkatkan Produktiviti

Inisiatif National MSME Digitalisation 2030 (NMD2030) adalah sebuah pelan komprehensif untuk memacu transformasi digital Perniagaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) di Malaysia. Berbekalkan peta hala tuju yang jelas dan sokongan yang diselaraskan, NMD2030 menyasarkan peningkatan penerimaan digital dalam kalangan PMKS, meningkatkan produktiviti, kecekapan, dan daya saing dalam dunia ekonomi digital.

Jalinan Kerjasama dan Perundingan

MDEC telah menjalankan kajian menyeluruh mengenai NMD2030, dengan kerjasama kementerian dan agensi utama, termasuk Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pendekatan kerjasama ini menjamin penyelarasan dan koordinasi program pendigitalan merentasi perkhidmatan kerajaan. Menerusi penganjuran bengkel dan perundingan, NMD2030 bertujuan menilai inisiatif yang sedia ada secara objektif serta membangunkan strategi, sasaran, dan pelan pelaksanaan yang terperinci.

Kepentingan Inisiatif

Inisiatif National MSME Digitalisation 2030 bakal:

- **Mendorong penerimaan digital:** Menggalakkan dan menyokong penerimaan penyelesaian dan teknologi digital dalam kalangan PMKS.
- **Meningkatkan produktiviti dan kecekapan:** Menambah baik langkah-langkah perniagaan dan mengoptimumkan pengoperasian menerusi pendigitalan.
- **Memacu daya saing:** Memperkasakan kemampuan PMKS untuk bersaing dalam ekonomi digital.
- **Memupuk pertumbuhan:** Mencipta peluang-peluang baharu buat PMKS untuk melebarkan sayap dan menembusi pasaran-pasaran baharu.

Perancangan Masa Hadapan

- **Peluncuran struktur tadbir urus melibatkan pemegang taruh di peringkat negeri:** Menjamin implementasi inisiatif NMD2030 yang efektif dan seragam di seluruh negara.
- **Membangunkan "MSME Digitalisation Toolkit":** Menyediakan bimbingan dan sumber rujukan praktikal untuk menyokong PMKS dalam sektor Pertanian, Pembinaan, dan Perlombongan dalam perjalanan transformasi digital mereka.


Sasaran Tempoh Pelaksanaan

Suku Tahun Keempat 2025

Kepentingan inisiatif: Menggalakkan dan menyokong penerimaan solusi dan teknologi digital dalam kalangan PMKS.

EKONOMI DIGITAL 2025

03 Penggunaan Nama Domain .MY Dalam Kalangan Kontraktor Berdaftar CIDB



Mempertingkatkan Profesionalisme dan Kepercayaan dalam Industri Pembinaan

Inisiatif ini meningkatkan penggunaan nama domain .MY dalam kalangan kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Dengan menggalakkan penerimaan domain ini, inisiatif ini mempertingkatkan profesionalisme dan kredibiliti kontraktor tempatan, meningkatkan tahap keyakinan para pelanggan, dan memupuk kepercayaan dalam industri pembinaan.

Manfaat Utama Domain .COM.MY

- **Kredibiliti dan Kepercayaan:** Domain .COM.MY dilihat lebih dipercayai oleh pelanggan Malaysia kerana menunjukkan bahawa perniagaan tersebut didaftarkan secara rasmi dengan SSM.
- **Fokus Tempatan:** Memilih domain .COM.MY dengan jelas menunjukkan perniagaan sebagai entiti Malaysia, yang boleh memberi manfaat untuk pemasaran dan membina kepercayaan dengan pengguna tempatan.
- **Keperluan Undang-Undang Tidak Langsung:** Walaupun tidak diwajibkan secara jelas, kebanyakan perniagaan yang beroperasi secara dalam talian di Malaysia mendaftar dengan SSM dan memilih domain .COM.MY untuk menunjukkan kesahihan dan mematuhi amalan perniagaan tempatan.
- **Pengoptimuman Enjin Carian (SEO):** Menggunakan domain .COM.MY berpotensi meningkatkan ranking enjin carian untuk carian tempatan di Malaysia.

Kepentingan inisiatif: Memberikan impak positif kepada imej kontraktor tempatan, menonjolkan reputasi mereka dan lebih mudah dikenalpasti sebagai entiti Malaysia.

Kepentingan Inisiatif

Menggalakkan penggunaan nama domain .MY dalam kalangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB bakal:

- **Mempertingkatkan Profesionalisme dan Penjenamaan:** Memberikan impak positif kepada imej kontraktor tempatan, menonjolkan reputasi mereka dan lebih mudah dikenal pasti sebagai entiti Malaysia.
- **Meningkatkan Kredibiliti dan Keyakinan Pelanggan:** Membina kepercayaan dengan klien dan meningkatkan peluang untuk mendapatkan projek, terutamanya dalam pasaran yang dibelenggu keselamatan digital sebagai antara kegusaran utama.
- **Menyokong Ekonomi Digital:** Menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi digital tempatan dalam sektor pembinaan.

Perancangan Masa Hadapan

Terus mempromosikan domain .MY dalam kalangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, menonjolkan manfaat profesionalisme yang dipertingkatkan, meningkatkan kepercayaan, dan sokongan untuk ekonomi digital tempatan.

Sasaran Tempoh Pelaksanaan

Suku Tahun Ketiga 2025

EKONOMI DIGITAL 2025

04 Kluster Digital/Kluster Industri Peralihan (TIC): Memacu Transformasi Industri



Memperkasakan Inovasi dan Kemampanan

Inisiatif Kluster Digital/Kluster Industri Peralihan (TIC) adalah program strategik yang direka untuk mempercepatkan transformasi digital bagi kluster industri utama di Malaysia. Dengan memupuk penggunaan teknologi maju dan mempromosikan amalan lestari, inisiatif ini bertujuan meningkatkan produktiviti, merangsang pertumbuhan ekonomi, dan mengurangkan impak alam sekitar.

Kepentingan Inisiatif

Inisiatif Kluster Digital/Kluster Peralihan bakal:

- **Meningkatkan Aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI):** Menarik pelaburan empat kluster industri utama Malaysia, melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan mencipta pelbagai peluang pekerjaan.
- **Mendorong Penerimaan Teknologi:** Menggalakkan penerimaan teknologi terkini, merangkumi AI serta teknologi cekap tenaga dan nyahkarbon untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian dalam pengamalan industri.
- **Memupuk Inovasi:** Menggalakkan pembangunan dan penerimaan teknologi tempatan dalam kluster-kluster industri berkenaan.
- **Meraikan Teknologi Baharu:** Menyokong penggunaan teknologi-teknologi baharu, misalnya Teknologi Kuantum dalam kluster-kluster berkaitan dan industri-industri generasi seterusnya.


Perancangan Masa Hadapan

Menjelang suku tahun kedua 2025, inisiatif Kluster Digital/Kluster Industri Peralihan (TIC) menyasarkan:

- Peningkatan sumbangan langsung kepada KDNK mencecah RM100 bilion.
- 60,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi dapat dicipta atau diteruskan.
- Potensi pengurangan sebanyak lapan juta tan karbon dioksida setara (CO_2e).
- Penerimaan sekurang-kurangnya 10 teknologi baharu dan pembangunan 10 ciptaan baharu yang boleh dieksport melalui TIC.

Sasaran Tempoh Pelaksanaan

Suku Tahun Pertama dan Kedua 2025



Masyarakat Digital 2025

Penerimagunaan digital inklusif dalam kalangan rakyat.

01

Akademi Siber Malaysia
Membina Tenaga Kerja Keselamatan Siber yang Sedia Masa Hadapan

02

Pusat Pengalaman Teknologi 5G
Sekilas Pandang ke Masa Hadapan yang Lebih Terhubung

MASYARAKAT DIGITAL 2025

01 Akademi Keselamatan Siber Malaysia (MCSA): Membina Tenaga Kerja Keselamatan Siber Sedia Masa Depan



Kepentingan inisiatif: Menganjurkan program-program kesedaran keselamatan siber untuk orang ramai, bermula dari peringkat tadika untuk membina minda keselamatan siber merentasi segenap lapisan umur.

Membangunkan Bakat Keselamatan Siber Bertaraf Dunia

Akademi Keselamatan Siber Malaysia (MCSA) yang ditubuhkan oleh CyberSecurity Malaysia (CSM), adalah sebuah inisiatif strategik yang bertujuan membangunkan tenaga kerja keselamatan siber yang kukuh dan berkemahiran di Malaysia. Bakal memulakan operasi menjelang suku kedua tahun hadapan, MCSA bakal menyediakan latihan komprehensif dan program-program pensijilan, mempersiapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mendepani ancaman siber dan menyumbang kepada pembangunan negara digital yang lebih terjamin.

MCSA bakal memainkan peranan penting dalam membangunkan bakat keselamatan siber Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bertaraf dunia. Hal ini bakal menyumbang kepada transformasi Malaysia sebagai hab keselamatan siber global, mempromosikan nilai-nilai etika dalam keselamatan siber, dan menjalinkan kolaborasi antarabangsa menerusi strategi pemasaran dan program akreditasi.

Pusat Pembangunan Kapasiti Keselamatan Siber TVET Bertaraf Premier

Akademi ini akan bertindak sebagai pusat pembangunan kapasiti keselamatan siber TVET bertaraf premier buat para penjawat awam, pengamal profesional industri, dan ahli-ahli akademik. Ini bakal menjamin pendekatan komprehensif untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan siber merentasi pelbagai sektor.

Meluaskan Capaian Global

Bagi memperkukuh kedudukan Malaysia dalam landskap keselamatan siber global, MCSA bakal:

- **Membangunkan Bakat Keselamatan Digital Bertaraf Dunia:** Membangunkan para pengamal keselamatan siber profesional yang berpotensi untuk berkhidmat di luar negara, khusunya negara-negara rakan Malaysia.
- **Melaksanakan Inisiatif Country Chapter:** Memudahkan pengiktirafan bersama bagi kakitangan keselamatan digital antara negara rakan berdasarkan Skim Global Accredited Cybersecurity Education Certification (Global ACE).
- **Menonjolkan Kepakaran Malaysia:** Melaksanakan program pemasaran untuk latihan dan pensijilan profesional tempatan, menarik peserta antarabangsa dan mempamerkan kepakaran Malaysia.

Kepentingan Inisiatif

MCSA bakal:

- **Meningkatkan Kesedaran:** Menganjurkan program-program kesedaran keselamatan siber untuk orang ramai, bermula dari peringkat tadika untuk membina minda keselamatan siber merentasi segenap lapisan umur.
- **Membangunkan Tenaga Kerja Berkemahiran:** Mempersiapkan para penjawat awam dengan kemahiran-kemahiran keselamatan digital untuk melindungi sistem kerajaan dan data.
- **Melatih Para Pengamal Profesional Keselamatan Siber:** Mempersiapkan para graduan dengan latihan keselamatan digital khas untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat naik.
- **Mengantarabangsakan Kepakaran Malaysia:** Membangunkan dan mempromosikan program pensijilan keselamatan digital yang diiktiraf dunia untuk menonjolkan bakat-bakat dan kepakaran Malaysia di pasaran antarabangsa.

Kelompok Sasaran

MCSA bakal memberi impak kepada pelbagai individu, termasuklah:

- Para pelajar
- Kaum belia
- Tenaga kerja profesional
- Orang Kurang Upaya (OKU)
- Warga emas
- Pengamal keselamatan digital
- Pakar-pakar
- Warga profesional
- Pengurus teknikal

Pendekatan inklusif ini memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk membangunkan kemahiran-kemahiran digital dan menyumbang kepada negara digital yang lebih selamat.

Inisiatif Utama

MCSA bakal melaksanakan pelbagai inisiatif, merangkumi:

- Pelaksanaan program-program kesedaran keselamatan siber secara berterusan.
- Certified CyberSecurity Awareness for Pre-School Educators (CCAPE).
- Certified Cybersecurity Awareness for Educators (CCASE).
- Etika Siber Negara (National Cyber Ethics).
- Pelaksanaan program kompetensi keselamatan digital.
- Penyelarasan silibus IPT dengan ACE Global Certification Programme.
- Penawaran program pensijilan keselamatan digital profesional.
- Program 'Train-the-Trainers'.

Perancangan Masa Hadapan

MCSA bakal dilaksanakan dalam beberapa fasa:

- **Fasa Persediaan (Oktober 2024-Jun 2025):** Membangunkan kurikulum, membina kerjasama, dan bersiap sedia untuk peluncuran akademi.
- **Fasa 1 - Penubuhan (Julai 2025-Disember 2026):** Menubuhkan MCSA dan mula menawarkan program-program latihan.
- **Fasa 2 - Pembangunan (2027-2028):** Memperluas tawaran akademi dan membangunkan program latihan lanjutan.
- **Fasa 3 - Kemajuan (2029 - 2030):** Menambah baik dan mempertingkatkan MCSA secara berterusan untuk memenuhi keperluan landskap keselamatan siber yang sentiasa berubah-ubah.

MASYARAKAT DIGITAL 2025

02 Pusat Pengalaman 5G – My 5G Portal: Gambaran Masa Depan Kesalinghubungan



Kepentingan inisiatif: Meningkatkan penerimaan 5G: Menggalakkan perniagaan dan individu untuk mengadopsi penyelesaian 5G dengan mempamerkan aplikasi praktikal dan manfaatnya.

Mempamerkan Kuasa Transformatif 5G

Pusat Pengalaman 5G – My 5G Portal, yang telah diluncurkan pada 26 October 2024, ialah sebuah pameran interaktif untuk memperlihatkan masa depan yang didayakan 5G kepada para pengunjung. Inisiatif yang digerakkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) membuktikan komitmen pihak kerajaan untuk membangunkan Malaysia sebagai hab digital dan memperkasakan rakyatnya dengan kesalinghubungan generasi akan datang.

Hab Eksplorasi 5G

Pusat Pengalaman 5G DNB, dikenali sebagai My5G Portal, bertindak selaku sumber yang berharga untuk syarikat, perkhidmatan awam, akademia, dan orang awam yang mahu meraikan teknologi 5G. Ia menyediakan platform untuk meneroka potensi 5G serta impak transformasinya merentasi pelbagai sektor.

Meraikan Masa Hadapan 5G

Meskipun transisi 5G tampil dengan cabarannya yang tersendiri, Pusat Pengalaman 5G adalah pemangkin yang menginspirasikan individu dan perniagaan untuk menerima teknologi 5G dan meneroka pelbagai peluang yang didatangkan oleh teknologi ini. Dengan mempamerkan potensi 5G, pusat pengalaman ini menggalakkan para pemegang taruh untuk meraikan teknologi ini dan memanfaatkan kuasanya untuk memacu inovasi dan pertumbuhan.

5G dan Ekonomi Digital Malaysia

Malaysia mengiktiraf peranan penting ekonomi digital dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Pada tahun 2022, ekonomi digital menyumbang 23.4 peratus kepada KDNK negara, dan angka ini dijangka mencapai 25.5 peratus menjelang 2025.

Rangkaian 5G adalah pemangkin utama bagi pertumbuhan ini, menyediakan asas untuk inovasi dan penerapan teknologi baharu merentasi pelbagai sektor. Kos kesalinghubungan 5G yang rendah pula menggalakkan penerimaan dan inovasi dalam kalangan perniagaan dan komuniti.

5G: Asas Ekonomi MADANI

Ekonomi digital bukan sahaja penting untuk pertumbuhan ekonomi, bahkan juga untuk menjayakan Ekonomi MADANI, visi kerajaan Malaysia untuk membentuk masyarakat yang lebih saksama dan makmur. Rangkaian 5G akan berfungsi sebagai asas penting Ekonomi MADANI, mendayakan penciptaan dan penerimaan teknologi inovatif yang menggerakkan pelbagai industri berteraskan digital dan inovasi.

Kemajuan Pelaksanaan 5G

Malaysia sedang berada di landasan yang tepat untuk mencapai matlamat 80 peratus liputan 5G di kawasan berpenduduk. Rangkaian 5G di bawah DNB juga telah menerima pengiktirafan antarabangsa, serta anugerah daripada firma analitik bebas seperti Opensignal dan Ookla. Ini membuktikan kualiti dan keberkesanan infrastruktur 5G Malaysia. Melalui pameran dan demonstrasi interaktif, pusat pengalaman ini mengetengahkan ini menonjolkan potensi transformasi teknologi 5G, dengan kelajuan data ultra-laju dan latensi rendah merentasi pelbagai sektor.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Pameran Interaktif: Pusat Pengalaman 5G menyediakan platform yang dinamik dan menarik buat para pengunjung untuk merasai sendiri kemampuan teknologi 5G.



> *“ Mari kita berganding bahu untuk mencipta masa depan yang membolehkan teknologi memperkasa kita semua dan melonjakkan Malaysia sebagai Harimau Digital Asia.”*
>
> **Fahmi Fadzil,** Menteri Komunikasi

Kepentingan Inisiatif

Pusat Pengalaman 5G bakal:

- **Meningkatkan Penerimaan 5G:** Menggalakkan perniagaan dan individu untuk mengguna pakai penyelesaian 5G dengan mempamerkan penggunaannya secara praktikal serta manfaat teknologi ini.
- **Meningkatkan Kesedaran:** Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang potensi ekonomi dan kuasa transformatif 5G merentasi pelbagai sektor.
- **Menggalakkan Inovasi:** Menginspirasikan pembangunan penyelesaian dan aplikasi yang didayakan 5G.
- **Memupuk Kerjasama:** Mewujudkan platform untuk kerjasama dan perkongsian pengetahuan antara pemain industri, penyelidik, dan orang awam.

Perancangan Masa Hadapan

Sasaran 5,000 pengunjung menjelang 2025: Menembusi kelompok sasaran yang lebih meluas dan menzahirkan potensi 5G kepada pelbagai pemegang taruh lain.

Glosari

Senarai Singkatan

- **4IR:** Revolusi Perindustrian Keempat
- **AI:** Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)
- **ASEAN:** Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations)
- **B40:** Kelompok 40 peratus isi rumah berpendapatan rendah (Bottom 40% of income earners)
- **CIDB:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Construction Industry Development Board)
- **CSM:** CyberSecurity Malaysia
- **CSR:** Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility)
- **DICE:** Digital Creative Ecosystem
- **DIO:** Pejabat Pelaburan Digital (Digital Investment Office)
- **DNB:** Digital Nasional Berhad
- **DP:** Rakan Pendigitalan (Digitalisation Partner)
- **e-dagang:** *e-commerce*
- **ESN:** Etika Siber Negara
- **FAMA:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agricultural Marketing Authority)
- **FDI:** Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment)
- **FMM:** Federation of Malaysian Manufacturers
- **GDP:** Keluaran Dalam Negara Kasar (Gross Domestic Product)
- **GovTech:** *Government Technology*
- **HTS:** *High Throughput Satellite*
- **ICT:** Teknologi maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology)
- **Insken:** Institut Keusahawanan Negara (National Entrepreneurship Institute)
- **IoT:** *Internet of Things*
- **IP:** Harta Intelek (Intellectual Property)
- **IPT:** Institusi Pengajian Tinggi
- **ISACA:** Information Systems Audit and Control Association
- **JDN:** Jabatan Digital Negara
- **JPA:** Jabatan Perkhidmatan Awam
- **JPDP:** Jabatan Perlindungan Data Peribadi
- **JTISA:** Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam
- **KDNK:** Keluaran Dalam Negeri Kasar (Gross Domestic Product)
- **KD:** Kementerian Digital
- **KEGA:** *Key Economic Growth Activity*
- **KK:** Kementerian Komunikasi
- **KPKT:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- **KUSKOP:** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- **MAIWP:** Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- **MATRADE:** Malaysia External Trade Development Corporation
- **MCSA:** Akademi Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Academy)
- **MCSS:** Strategi Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Strategy)
- **MDEC:** Malaysia Digital Economy Corporation
- **MDX 2024:** Malaysia Digital Xceleration Summit 2024
- **NAIO:** Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan
- **PMKS:** Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
- **RTEDM:** Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
- **SSM:** Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- **UAT:** Ujian Penerimaan Pengguna

Kementerian Digital

Kad Laporan Tahunan 2024

